# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 27 | RABU 8HB JULAI, 1981. | 1401 رابو 6 رمضان | PERCHUMA


DALAM SA-MINGGU

## Masa membacha-melukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri sini dan chawangan-nya di-Seria telah mengadakan masa membacha bagi kanak2 berumor 12 tahun kabawah bertempat di-perpustakaan kanak2. Sementara masa melukis di-adakan di-chawangan-nya di-Kuala Belait.

## Amil2 di-lantek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melantek amil2 di-seluroh negeri bagi tahun Hijrah 1401 bersamaan Masehi 1981.

Perlantekan itu ia-lah bagi memudahkan perlaksanaan bayaran zakat fitrah di-lakukan oleh umat Islam seluroh negeri. Maka oleh yang demikian untok kemudahan tersebut Pelita Brunei minggu ini menerbitkan senarai nama2 amil yang di-lantek saperti yang di-siarkan dalam muka 5, 6 dan 7.

## Chator Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Brunei telah menganjorkan perlawanan chator di-Pusat Belia sini Ahad lepas. Pertandingan tersebut terbuka bagi penyertaan orang ramai dan hadiah2 berupa wang tunai telah di-berikan kapada para pemenang-nya.

## 2 mati lemas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua kejadian mati lemas di-laporkan di-Kampong Ayer minggu lalu. Azlina bte Hamid, $3\frac{1}{2}$ tahun, mayat-nya di-temui di-Kampong Pengiran Pekerma Indera Lama sementara Mohd Kartono bin Abu Bakar, $2\frac{1}{2}$ tahun, mayat-nya di-temui di-Kampong Sungai Siamas.

## Majlis Tadarus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Bertadarus dan Sembahyang Tarawih telah di-adakan di-Balai Ibadat Kampong Sumbiling, Daerah Brunei dan Muara, di-sepanjang bulan puasa ini. Pendudok2 kampong tersebut dan kampong2 sekitar-nya ada-lah di-persilakan menghadhiri-nya.

Masjid Mohammad Bolkiah di-Kampong Serusup telah juga mengadakan majlis yang sama di-sepanjang bulan ini.

# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT MUZIUM BRUNEI



KEBAWAH DYMM ketika di-bawa melawat ka-salah sa-buah bahagian Jabatan Muzium.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, pada pagi Khamis lepas telah berangkat melawat ka-Muzium Brunei di-Kota Batu bagi meneruskan lagi siri lawatan Baginda ka-jabatan2 Kerajaan. Saperti biasa dalam lawatan2 ka-jabatan2 Kerajaan, Baginda Sultan di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.**

Keberangkatan tiba Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan pegawai2 Jabatan Muzium.

Menyertai dalam rombongan Baginda Sultan itu ia-lah Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Sa-belum berangkat melawat ka-berbagai bahagian jabatan itu, Baginda Sultan dan rombongan telah mendengar taklimat yang telah di-sampaikan oleh Pengarah Muzium2, Pengiran Dato Sharifuddin. (Gambar2 lawatan Baginda dan rombongan ka-Jabatan Muzium pada Khamis lepas itu, lihat muka 10 dan 11 dalam keluaran ini).

# BANK KEBANGSAAN BRUNEI BUKA CHAWANGAN KE-10

**Oleh: Jahri Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin menyeru Bank Kebangsaan Brunei supaya dapat membantu masharakat negeri ini dalam bidang kewangan untok menjalankan perniagaan.

Dengan ada-nya bantuan kewangan bank ini, ianya akan menguntongkan *raayat dan negara ini, sabda-nya.*

Yang Amat Mulia bersabda demikian ketika merasmikan chawangan ke-10 Bank Kebangsaan Brunei Berhad di-tingkat bawah bangunan National Inn, pada hari Khamis lepas.

Menurut Yang Amat Mulia, bank itu tidak dapat di-nafikan sa-bagai sa-buah bank yang telah dan sedang menjalankan perniagaan dengan kukoh dan baik.



YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin.

Walau bagaimana pun, Yang Amat Mulia maseh berharap supaya bank itu akan terus meningkatkan perkhidmatan-nya bagi kestabilan dan kesuboran perniagaan-nya di-masa akan datang.

Terdahulu dari itu, Pengarah Lembaga bank itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dalam uchapan alu2an-nya menyatakan bahawa chawangan tersebut di-asaskan memandangkan keperluan2 khidmat bank orang ramai di-berbagai bidang pembangunan serta keyakinan bank itu, akan kepesatan ekonomi dan kemakmoran Brunei.

Menurut Yang Berhormat itu, bank Kebangsaan Brunei Berhad telah menggunakan sistem komputer di-chawangan2 utama-nya. "Ini menchatetkan bank yang pertama di-Brunei menggunakan perkhidmatan komputer di-kesemua chawangan2-nya di-Bandar Seri Begawan dan sistem ini akan di-perluas ka-seluroh negeri tidak lama lagi," jelas-nya.

## Penempatan Diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah bertolak ka-United Kingdom pada 3hb. Julai, 1981 lalu, untok menghadhiri satu penempatan.

Penempatan itu di-adakan di-Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri dan Komanwel di-London dan penempatan tersebut hanyalah sa-lama dua minggu.

Pegawai2 yang di-hantar itu ada-lah Ketua Bahagian Protokol Pengiran Anak Puteh Ibni YTM Pengiran Pemancha Pg. Muda Haji Mohammad Alam dan Pegawai Pentadbir, Awang Serbini Hj. Ali.

## Pegawai2 Yunit Peranchang melawat ka-Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang perwakilan dari Yunit Peranchang Ekonomi Brunei kini sedang mengadakan lawatan sa-lama sa-puloh hari ka-Malaysia.

Perwakilan tersebut di-ketuai oleh Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hjh. Jusnani bte Hj. Lawie. Turut menyertai rombongan itu termasoklah Datin Thua Rossanah, Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Awg. Murni bin Haji Muhammad.

Lawatan itu bertujuan untok bertukar2 pandangan mengenai dengan projek2 pembangunan di-antara kedua buah negara.

Ketika berada di-sana mereka di-jangka mengadakan lawatan2 ka-tempat2 projek pembangunan saperti projek2 FELDA, Maju Ternak, Kerjasama Pembangunan dan Perumahan serta Kompleks Bank Bumiputera.

## Manis-nya Iman

"SEBAIK2 sedekah ia-lah sedekah dalam bulan Ramadhan."— Hadith Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Anas.

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

8HB JULAI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# PENGALAMAN YANG MEMBERI PENGAJARAN

DENGAN hari ini, maka kita telah memasoki hari kelima berpuasa dan sa-sunggoh-nya kita telah melalui berbagai2 pengalaman yang menguji ketahanan kita dalam menunaikan ibadah kita itu. Nafsu makan dan minum ada-lah antara yang mendorong diri kita sa-hingga melakukan kehendak2 hati yang kalau tidak di-jaga dengan sa-baik2-nya boleh saja merosakkan ibadah puasa kita. Godaan2 nafsu makan dan minum di-sebabkan oleh rasa lapar dan dahaga, kebanyakan orang merasakan-nya di-ketika melakukan puasa hari pertama.

Puasa hari pertama, di-rasakan sa-olah2 satu tangga ujian yang paling keras, malah di-rasakan sa-bagai penentuan untok meneruskan puasa kita di-hari2 yang berikut-nya. Dengan kata2 yang lain bahawa hari pertama berpuasa itu ada-lah ujian utama sama ada kita berjaya memerangi runtunan hawa nafsu atau sa-balek-nya. Ini tidak-lah berma'ana bahawa hari pertama itu yang lebeh penting dari hari2 berikut-nya, malah sa-sunggoh-nya ia-nya tidak-lah berbeza dalam segala hal terutama hikmat-nya.

Apa yang terasa berbeza ia-lah perlaksanaan diri kita dalam melakukan ibadah itu. Yang akan mudah terasa ia-lah layanan2 kita terhadap berbagai perkara yang bersangkutan dengan juadah2 untok pesungkaian. Antara perkara penting yang mudah kita dapati ia-lah pembaziran, kerana melebehi dari kemampuan nafsu kita untok makan dan minum itu. Bila ini berlaku, lalu kita merasa kesal kerana di-kalahkan oleh runtunan nafsu makan dan minum itu dan kita berazam untok memerangi-nya. Bila kita mempunyai azam tersebut, maka kita akan lebeh merasa beruntong apabila kita merasakan betapa perlu-nya penjimatan di-lakukan untok mengelakkan pembaziran itu. Langkah ini akan lebeh menguntongkan diri kita bila menyedari akan kedudokan harga keperluan2 harian yang terus saja meningkat mahal.

Bila kesedaran2 yang demikian itu timbul, maka berpuasa memberikan pengajaran yang penting terutama akan betapa perlu-nya kita bijaksana dalam mentadbir kehidupan harian agar tidak akan menjadi beban yang menyusahkan kehidupan kita.

Harga2 barang makanan yang semakin mahal sekarang ini ada-lah satu hal yang memang menjadi satu kerunsingan kapada seluroh pengguna. Tetapi hal yang sedemikian ini ada-lah merupakan kebiasaan2 yang terus akan menular sa-lagi bahan2 bekalan berkurangan. Dengan keadaan ini, ada-lah bijak di-rasakan bagi kita jika hanya berbelanja pada perkara2 yang benar2 kita perlukan sahaja. Untok ini, ajaran2 berpuasa memberi pengajaran yang amat berguna, dan semoga-lah kita tidak akan lebeh bertumpu kapada hidangan2 juadah yang berlebehan dan mudah2-an kita akan lebeh bertumpu kapada ibadat2 yang lebeh afdhal.

## Keperibadian Nasional:

# Kehalusan aspek2 lahiriyah dan batiniyah sesuai dgn kemajuan material bangsa dan negara

**UCHAPAN penoh Awg Selamat bin Munap di-perasmian Pameran Seni-lukis dan Kerja-tangan Sekolah2 Rendah Sa-Negeri baru2 ini.**



**Awg Selamat bin Munap**

ALHAMDULILLAH, kita bershukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'-ala kerana dengan izin-Nya juga maka kita semua dapat bersama hadhir di-majlis yang berbahagia ini. Uchapan sa-tinggi2 terima kaseh kapada yang berbahagia Pengarah Pelajaran atas kesudian beliau menjemput saya hadhir di-majlis ini yang mana penghormatan untok saya itu tidak akan dapat saya lupakan. Sa-tinggi2 tahniah kapada pegawai2 beliau yang berkenaan kerana tersusun-nya dengan rapi lagi terator pameran yang tidak lama lagi kita semua akan saksikan ini.

Raayat dan pendudok negeri Brunei Darussalam yang kita semua chintai ini boleh-lah di-anggap sa-bagai satu kelompok manusia yang agak beruntong di-segi2 yang tertentu. Dengan kemewahan yang ada pada negeri kita maka di-segi peratusan-nya raayat dan pendudok negeri ini boleh-lah di-katakan sa-bagai satu kumpolan manusia yang sering belayar ka-luar negeri khusus-nya untok melawat negara2 jiran tetangga kita sama ada atas urusan pekerjaan, perniagaan, pelanchongan dan sa-umpama-nya. Sapertimana juga akan hal-nya dengan para hadhirin dan hadhirat, saya juga bernasib baik kerana berkeupayaan dan berpeluang untok keluar negeri dari satu masa ka-satu masa sejak beberapa tahun yang lalu.

### KEMUDAHAN2

Pada umom-nya saya memang suka belayar ke-luar negeri, khusus-nya untok berehat dan menekmati kemudahan2 yang ada di-negara2 jiran tetangga kita. Apabila saya kembali ka-tanah ayer sendiri sa-lepas beberapa hari di-luar negeri saya seringkali membawa kenangan2 manis yang hingga kini maseh terbayang dengan jelas kapada diri saya. Tetapi, antara kenangan2 itu ada juga tidak begitu indah dan meskipun tidak pahit, mungkin harus menjadi pengajaran kapada kita sa-bagai raayat dan pendudok negeri Melayu yang berugama Islam yang akan menchapai taraf kemerdekaan yang penoh lagi berdaulat pada penghujong tahun 1983 ini.

Pada suatu malam kira2 dua atau tiga tahun yang lalu sa-masa saya berada di-luar negeri saya telah di-jemput makan oleh kenalan2 saya di-satu restoran yang bermutu dan selesa. Entah apa-kah maksud mereka, hanya Tuhan yang maha mengetahui. Tetapi di-dalam perbualan2 yang di-teruskan sa-masa makan itu sa-orang daripada kenalan2 saya itu telah menyentoh tentang dunia perniagaan di-negara2 di-Tenggara Asia dan peranan2 orang2 pribumi/raayat jati dan bukan pribumi/raayat jati di-dalam-nya. Menurut kenalan saya itu, siapa yang terdiri daripada sa-orang peniaga yang bukan berbangsa Melayu atau berketurunan dari rumpun bangsa Melayu, hartawan2 yang terdiri daripada pribumi/raayat jati amat kechil bilangan-nya di-negara2 Tenggara Asia ini dan daripada golongan hartawan2 pribumi/raayat jati itu sendiri ada pula di-antara mereka yang bukan berdarah sa-ratus peratus pribumi/raayat jati. Menurut kenalan saya yang "race conscious" itu, ada di-antara hartawan2 pribumi/raayat jati itu yang darah-nya berchampor-adok dengan darah Sepanyol, Arab, China, India dan lain2-nya. Sunggoh bijak, tajam dan dalam betul perception Si-peniaga itu! Sa-sunggoh-nya bagi sa-orang peniaga yang keturunan-nya bukan berasal dari Tenggara Asia!

### KEMEWAHAN

Tetapi apa-kah relevance-nya anecdote personal yang saya cheritakan itu terutama sa-kali dalam konteks pameran yang ada pada pagi ini? Sedikit sa-banyak ada para hadhirin dan para hadhirat sekalian. Mithal-nya, di-dalam konteks pembangunan negara yang pesat barangkali tidak banyak di-antara kita yang tidak di-dorong oleh chita2 untok menambah dan meluaskan kemewahan2 kita sa-chepat2-nya menurut keupayaan masing2 sa-tanding dengan bangsa2 yang lain yang mendatang ka-negeri ini. Ini jelas sa-kali nampak di-kalangan peniaga2 Melayu, yang sekarang Alhamdulillah, sa-makin mara ka-hadapan saperti yang di-hajati oleh Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

### KEMAJUAN

Tetapi barangkali ada pula kala-nya kita bangsa Melayu mengeloh, kurang perchaya pada diri sendiri, memandang kapada kemajuan2 yang sudah di-chapai oleh bangsa2 asing saperti yang di-simbolkan oleh mobil2 Mercedes yang berkilauan yang mereka pandu dan jam emas Rolex yang bertahta dengan intan yang mereka bangga-banggakan. Apatah lagi apakala kita pusing sana, pusing sini untok menebus hutang piutang kita, sedangkan orang2 asing bersikap sa-olah2 memang orang2 Melayu itu tidak sa-banding dengan mereka. Ini memang akan mengakibatkan satu jenis "inferiority complex" di-kalangan orang2 Melayu terutama keupayaan mereka masing2 kechuali mereka yang sudah menempoh kejayaan dan berdiri dengan tegak-nya yang mana bilangan mereka boleh di-hitong dengan jari walau pun pada ketika ini. Dan "inferiority complex" ini boleh merebak kapada orang2 Melayu di-negeri ini umom-nya.

Relevance anecdote personal yang saya cheritakan tadi ia-lah begini. Di-dalam konteks sa-buah negeri Melayu yang akan menchapai taraf penoh merdeka lagi berdaulat tidak begitu lama lagi, satu keperibadian nasional yang viable tidak dapat di-asaskan kapada "inferiority complex" saperti yang saya sebutkan itu. Jika "inferiority complex" itu ada dan nampak di-kalangan masharakat Melayu di-negeri ini maka ia-nya hendak-lah di-basmikan dengan sa-chepat mungkin-nya. Jika tidak ia-nya mungkin akan menjejaskan keperibadian nasional di-dalam evolusi-nya, sa-takat mana ia-nya melumpohkan keperchayaan orang2 Melayu terhadap diri mereka sendiri.

Jenis "inferiority complex" ini timbul daripada materialisma yang di-bawa dari luar. Oleh hal yang sa-demikian, tidak-lah munasabah jika nilai2 orang2 pendatang ini sa-mata2 menjadi atau di-jadikan pre-occupation kita orang2 Melayu tanpa menghiraukan nilai2 lai[n] yang di-warithi kapad[a] kita. Jika kita mahu ma[ju] sa-memang-nya-lah ma-terialisma tidak dapat ki[ta] elakkan. Tetapi, materia[-]lisma orang2 pendatan[g] itu sa-harus-nya-lah tida[k] menjadi chontoh taulada[n] atau hanya satu intentio[n] dengan mana kita menga[-]kor penghargaan terhada[p] diri kita sendiri. Semu[a] manusia memang mah[u] maju, kaya dan berhart[a]. Ka-arah ini orang Melay[u] juga tidak ketinggalan d[i] segi chita2 dan aspiras[i] mereka. Dan pada pend[a-]pat saya, chita2 dan asp[i-]rasi2 itu ada-lah munasa[-]bah dan berpatutan kala[u]lah orang2 Melayu tida[k] mahu ketinggalan. Tetap[i] jika kita mahu berperan[g] ada-lah lebeh baik unto[k] kita memileh medan pe[-]rang kita sendiri daripad[a] bertikai di-medan lawan. Dan demi untok memper[-]juangkan keperibadian na[-]sional Brunei biar pu[n] rupa bentok-nya materia[-]lisma orang2 pendatan[g] nampak-nya merupaka[n] medan yang penoh berba[-]haya kapada keperibadia[n] nasional itu.

### KEPERIBADIAN

Apa-kah keperibadia[n] nasional yang saya sebu[t-] sebutkan itu tadi? Perka[ra] ini ada-lah satu soal yan[g] kompleks yang bukan-ny[a] mudah atau dalam comp[e-]tence saya untok men[g-]huraikan-nya. Lagi pu[n] pada pendapat saya, i[a-] nya maseh lagi dala[m] proses evolusi. Antara u[n-]sor2-nya ia-lah nilai2 ke[-] Islaman, adat resam k[e-] Bruneian dan sosio-buda[-]ya ke-Melayuan. Nampak[-]nya tujuan asas-nya ia-la[h] kehalusan di-dalam as[-]pek2 lahiriyah dan batin[i-]yah sesuai dengan kemaju[-]an material bangsa da[n] negara.

Ada-lah di-fahamkan ba[-]hawa Pameran Seni-luki[s] dan Pertukangan-tanga[n] sa-rupa ini telah pun di[-]adakan sejak beberapa ta[-]hun yang lalu. Di-dalam konteks evolusi-nya, ada[-]lah di-harapkan yang pa[-]meran ini dan usaha[2] yang lain yang berunso[r] seni-budaya akan sedik[it] sa-banyak mencherminka[n] dan memberi sumbanga[n] kapada keperibadian na[-]sional yang viable yan[g] berasaskan kapada nila[i2] yang bermanafaat kapa[da] bangsa dan negara, yak[ni] nilai2 yang positive bag[i] orang2 Melayu Brune[i] khusus-nya dan raayat dan pendudok Brunei 'am-nya.

# *Muliakan Bulan Ramadhan:*

# IBADAT YANG JADI PENGHUBONG MENDEKATKAN DIRI KAPADA ALLAH

PADA hari ini atau esok hari kita berada di-hari pertama bulan Ramadhan Alhamdulillah, kita bershukor kerana dapat lagi menjalani ibadat yang besar ini, ibadat yang menjadi penghubong mendekatkan diri kapada Allah. Bulan Ramadhan ada-lah bulan ibadat, bulan yang mulia lagi berkat. Kemuliaan-nya sangat jelas, kerana Allah Taala sendiri tidak pernah menapokkan dari kita. Di-antara tanda2 dan bokti kemuliaan bulan ini, kerana di-dalam bulan ini juga Allah telah menurunkan wahyu-nya yang pertama (Al-Kor'an), dan kedua dalam bulan ini juga terjadi Perang Badar yang besar, yang menjadi pintu keujudan umat Islam hingga hari ini.

Di-dalam bulan Ramadhan segala perbuatan menjadi ibadat, dan bahkan sampai kapada benda yang kita perlukan ka-atas-nya juga akan mendo'akan kita, sa-bagaimana riwayat daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda maksud-nya:



PERKENAN

*"Jika bangun dari tidor sa-orang mukmin, dalam bulan Ramadhan, dan ia berpusing-pusing dari sabelah ka-sebelah sedang di-hati-nya mengingati Allah, berkata-lah kapada Malaikat: Bangun-lah! sasunggoh-nya Allah menyayangi mu. Maka apabila ia bangun, katil tempat ketidoran-nya berkata mendo'akan-nya: Ya Allah, ya Tuhan! Korniakan-lah kapada hamba ini tempat ketidoran yang tinggi di-shorga. Apabila ia memakai pakaian, berkata-lah pakaian itu mendo'akan-nya: Ya Allah ya Tuhan! Korniakan-lah kapada-nya pakaian shorga. Apabila ia memakai kasut-nya berkata pula kasut itu mendo'akan-nya: Ya Allah, ya Tuhan! tetapkan-lah pendirian-nya di-atas Shiratul Mustaqim. Apabila ia minum dalam chawan, berkata-lah chawan itu mendo'akan: Ya Allah, ya Tuhan! Engkau korniakan-lah kapada-nya chawan2 shorga. Apabila ia berudhu', berkata-lah ayer mendo'akan: Ya Allah, ya Tuhan! Engkau bersihkan-lah ia dari segala dosa dan kesalahan-nya. Apabila ia berdiri di-hadapan Allah (sembahyang), berkata-lah rumah tempat-nya berdiri itu: Ya Allah, ya Tuhan! Engkau terangi-lah liang lahat-nya, luaskan kubor-nya. Dan Allah pun memandang kapada-nya seraya berfirman yang bererti: "Engkau hambaKu, daripada mu datang permohonan, sedang daripada Kami, Kami berikan perkenan."*

Begitu-lah wahai kaum muslimin, penghormatan Allah terhadap bulan Ramadhan itu ada-lah memberi banyak faedah kapada kita. Suatu hikayat ada menyebutkan, tentang sa-orang yang berugama Majusi yang sangat menghormati bulan Ramadhan pada suatu hari, orang Majusi tersebut ternampak anak-nya sedang makan di-hadapan orang2 Islam dalam bulan Ramadhan. Perbuatan anak-nya itu sangat memarah-kan-nya, lalu di-pukol-nya anak-nya itu sambil berkata: "Mengapa engkau tidak turut memelihara kehormatan orang2 Islam dalam bulan Ramadhan?".

Di-ringkaskan hikayat, orang Majusi itu pun meninggal dunia dalam minggu itu juga. Sa-orang alim di-dalam negeri, sa-lepas kejadian itu, telah mencheritakan bahawa ia nampak dalam mimpi-nya orang Majusi tersebut berada dalam shorga. Lalu ia bertanya: "Bukankah engkau orang Majusi? Jawab orang itu: Ya, benar! tetapi manakala mati hendak mendatangi aku, Allah telah memuliakan aku dengan Ugama Islam, sa-bagai balasan dari perbuatan ku menghormati bulan Ramadhan."

MEMULIAKAN

Kesah ini, wahai kaum muslimin! hendak-lah dapat menjadi peringatan yang berkesan kapada kita. Mari-lah kita bersama-sama memuliakan bulan Ramadhan itu dengan membanyakkan ibadat di-dalam-nya. Kita patuhi perintah Allah dengan mengerjakan ibadat puasa genap sa-bulan, dan jangan sa-kali2 kita melakukan perkara2 yang boleh merosakkan ibadat tersebut. Tegas-nya mari-lah kita hindar jauh2 sabarang perbuatan atau kelakuan yang boleh merosakkan atau menchabul kehormatan bulan yang mulia.

# Perbuatan menghina atau mengejek hukom-nya haram

**O Bingkisan minggu ini**

SA-TIAP manusia yang di-lahirkan di-atas muka bumi Tuhan ini sudah tentu ada mempunyai kelebehan atau kelemahan diri-nya masing2. Kejadian saperti ini tidak-lah dapat kita elakkan kerana ia-nya ada-lah menjadi hak Allah yang menentukan, sa-balek-nya kita hanya-lah dapat berserah kapada-Nya, di-samping bershukor kerana nekmat hidup yang besar itu. Tetapi walau pun demikian, kita tidak-lah pula saharus-nya berbangga jika kita mempunyai kelebehan dari orang lain, dan jangan pula choba hendak menghina atau mengejek jika mendapat kelemahan pada diri orang lain. Kerana mungkin ia-nya mempunyai kelebehan pada perkara2 yang lain, tambahan pula walau pun kita sama2 di-chipta oleh Allah, mungkin kita tidak mengetahui pada diri saseorang itu. Mungkin ia lemah pada satu2 perkara tetapi ia lebeh cherdek dan pandai pada perkara2 yang lain, yang kita sendiri tidak boleh membuat-nya sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Hujurah: ayat 11 yang kira2 bermaksud:

*"Wahai orang2 yang beriman, jangan-lah suatu kaum menghina kaum yang lain, sebab mungkin mereka yang di-hina itu lebeh baik dari yang menghina. Dan jangan pula kaum perempuan menghina perempuan yang lain, barangkali mereka yang di-hina itu lebeh baik dari mereka yang menghina."*

Dengan tertera-nya firman tersebut, kita harus-lah menyedari betapa rendah-nya meruah saseorang yang suka menghina atau mengejek orang lain. Tambahan pula perbuatan suka menghina atau mengejek itu pada dasar-nya ada-lah suatu dosa yang bukan sahaja kapada Allah s.w.t. malah juga kapada orang yang di-hina atau ejek.

Dalam hal ini, kita harus-lah menyedari betapa tersinggong-nya perasaan orang2 yang di-hina atau di-ejek itu dan mungkin juga dia akan merasa marah atau mungkin akan menyimpan perasaan dendam di-hati-nya. Tambahan pula kalau-lah perbuatan itu di-perlakukan di-hadapan khalayak ramai, sa-kurang2-nya satu pertengkaran yang boleh membawa kapada permusohan mungkin akan berlaku. Dari itu kita hendak-lah berusaha untok menghindarkan perbuatan yang suka menghina atau mengejek itu dari jiwa kita dan kalau-lah kita renongkan sa-jenak ia-itu kalau-lah perbuatan itu terkena ka-atas diri kita sendiri apa-kah perasaan kita, tentu-lah jawapan-nya tidak lain dan tidak bukan pasti kita akan merasa marah kerana telah di-hina atau pun di-ejek sa-begitu rupa, maka begitu-lah juga perasaan orang2 yang berlaku perbuatan tersebut ka-atas-nya.

Supaya perbuatan yang haram itu tidak akan berlaku, kita hendak-lah sentiasa berwaspada apabila hendak melakukan sasuatu perbuatan kerana kita hidup ini bukan-lah untok menchari permusohan sa-sama manusia. Lagi pun Ugama Islam tidak menginginkan penganut2-nya hidup di-dalam keadaan yang bermusoh-musohan dan apa yang di-galakkan oleh Islam ia-lah hidup rukun damai dan saling bantu-membantu di-antara satu dengan yang lain.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb Julai. 1981 hingga ka-hari Selasa 14hb Julai, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—**

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 9hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 10hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 11hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 12hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 13hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 14hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Lawatan sambil belajar ka-Singapura dan Malaysia Barat

BANDAR SERI BEGAWAN—Sa-ramai 29 orang penuntut tahun III dan empat orang pensharah dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, telah mengadakan lawatan sambil belajar sa-lama saminggu ka-Singapura dan Malaysia Barat dari 23hb hingga 30hb Jun yang lalu.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Che'gu Abd. Ghaffar bin Abd. Khalid sa-orang pensharah di-maktab itu.

Sa-masa berada di-Malaysia mereka telah mengadakan lawatan2 ka-Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru; Kolej Tengku Ampuan Mariam; Masjid Sultan Abu Bakar dan Taman Haiwan.

Di-Kuala Lumpur mereka telah melawat Maktab Perguruan Bahasa, Masjid Negara, Tugu Peringatan, Maktab Perguruan Islam Petaling Jaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Al-Arqam.

Di-hari ka-empat dan ka-lima pula mereka telah membuat lawatan ke-Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim; Maktab Perguruan Pulau Pinang, Penang Hill dan lain2 lagi.

Di-hari ka-enam dan ka-tujoh mereka telah bertolak dari Pulau Pinang ka-Singapura. Di-sana mereka telah melawat tempat2 yang menarek saperti Pulau Sentosa, Taman Haiwan, Bird's Park dan Institusi Pendidekan. Sa-belum pulang ka-tanah ayer mereka sempat juga melawat ka-Istana Besar Johor Bahru.



BERTUKAR-TUKAR fikiran dalam perjumpaan dengan pehak Maktab Perguruan Islam.

Lawatan sa-rupa ini ada-lah merupakan lawatan bagi kali ka-dua bagi penuntut2 maktab itu. Kali pertama di-tahun 1980 penuntut2 maktab tersebut hanya melawat di-Johor Bahru.

Sa-bagaimana yang PELITA fahami bahawa lawatan mereka ini ada-lah sa-bagai projek tahunan maktab itu.

Ketua rombongan Che'gu Abd. Ghaffar berkata, ada pun tujuan lawatan sa-rupa ini di-adakan, sa-lain dari melihat negeri orang, penuntut2 itu juga mendapat pengalaman dan pengajaran serta dapat memperbandingkan dari apa yang mereka lihat di-maktab2 perguruan yang mereka lawati dengan maktab mereka sendiri.

"Memandangkan penuntut2 ini akan menamatkan kursus mereka di-tahun ini, pengalaman sa-rupa ini sangat-lah perlu untok mereka, untok menghadapi murid2 apabila mereka mengajar nanti," tambah Che'gu Ghaffar.

# NASEHAT KAPADA ORANG2 DLM PERKARA BERBAGAI2 ISM, MAZHAB DAN IDEOLOJI ( I )

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

## SIRI KE-87

SAYA nasehatkan kapada orang2 Islam jangan lekas menerima dan memakai sa-suatu ism atau pendapat atau mazhab yang di-ada2kan oleh orang2 barat atau orang Yahudi, Majusi dan Hindu. Kerana ism atau mazhab2 atau fikiran dan pendapat dalam bidang2 ugama, ekonomi, pemerentahan, pendidekan, akhlak, sastera, kebudayaan, kesenian, hiboran dan sa-umpamanya semua-nya ada-lah mengikut pendapat dan fikiran kajian yang terbit dari suasana alam sekitar mereka itu, termasok-lah dari adat resam mereka atau di-buat dan di-reka2 bagi sampai kapada sa-suatu tujuan dan matalamat serta faedah mereka di-negeri2 mereka sendiri dengan membelakangkan ugama Allah dan budi pekerti manusia.

### FAHAM KOMUNIS

Faham komunis sudah tentu berlawanan dengan Islam sebab peranchang fahaman itu saperti Karl Marks berkata "Ugama itu chandu bagi menguasai raayat jelata." Dan dia juga pernah mensifatkan bahawa "ugama itu suatu kumpolan dongeng2 yang di-reka2 oleh tuan2 tanah dan tuan2 perusahaan bagi mententeramkan jiwa orang ramai yang menderita, dan melalaikan mereka dengan kebahagiaan akhirat dari hidup menderita di-atas muka bumi."

Karl Marks sa-orang peranchang kerosakan bagi menjahanamkan fikiran umat Eropah dan bangsa Rusia. Dia sa-benar-nya sa-orang anggota MASSION berpangkat ke-31.

Orang Islam yang menerima dan memakai ism atau fahaman komunis sudah tentu murtad dan keluar dari ugama Islam.

Faham2 sosialisma, kapitalisma, materialisma dan sa-umpama-nya ada-lah semua-nya buatan manusia. Kemudian bagi faedah2 negeri2 atau bangsa2 atau pehak2 yang tertentu atau pertubohan2 yang tertentu fahaman2 tersebut di-'hasutkan' kapada orang lain.

Ism dalam falsafah itu semua-nya buatan manusia dan terbit dari akal manusia yang tiada berdasarkan kapada ugama Allah. Bagaimana kita orang Islam boleh menerima kalau fikiran dan ism itu berlawan dengan iktiqad dan keperchayaan kita?

Maka orang2 Islam yang memakai ism itu dengan tiada memereksa lebeh dahulu dan tiada chukop pengetahuan dalam Islam maka ia akan sesat atau akan keluar dari Islam.

Kanak2 Islam yang belajar ism2 itu di-sekolah2 dengan tiada mengetahui aqidah yang betul lagi tegoh neschaya ia akan sesat dan boleh jadi kufur dan murtad.

Dari itu hendak-lah guru2 yang mengajar sains dan ism2 itu daripada orang2 Islam yang boleh menerangkan mana ism yang salah dan mana yang betul tiada berlawanan dengan aqidah Islam.

*WALLAHU A'ALAM.*

(Bersambong)

# Jadikan bulan Ramadhan sa-bagai peluang untok mendapatkan pahala yang lebeh banyak

**UCHAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei sa-masa mengalu-alukan awal Puasa Ramadhan 1401 Hijrah menerusi Radio dan Talivishen, Brunei.**

DENGAN izin Allah Subhanahu Wata'ala pada malam ini kita mula berniat untok menunaikan Puasa Ramadhan kerana telah di-tetapkan bahawa pada esok hari kita memulakan puasa bulan Ramadhan.

Bulan Ramadhan dengan segala kelebehan-nya yang di-tentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sa-patut-nya-lah kita isi dengan amal ibadat yang lebeh dari bulan2 yang lain dan kita jadikan sa-ba[illegible] peluang yang sa-baik2-nya untok kita mendapatkan pahala yang lebeh banyak pada menchapai keredhaan Allah.

Menurut maksud hadith Nabi s.a.w. bahawa pada [illegible]ulan puasa ini pintu2 shorga ada-lah terbuka dan pintu2 neraka ada-lah di-tutop dan sekalian shaitan2 ada-lah di-belenggu.

Pada lazim-nya dalam bulan puasa ini hati kita ada-lah terbuka untok menunaikan ibadat puasa dengan sa-baik2-nya dan sa-sempurna2-nya, keadaan yang sa-demikian mendorong kita untok mengerjakan ibadat2 yang lain saperti membayakkan bachaan Al-Kor'an dan sembahyang Tarawikh dan lain2.

Kerana itu bulan puasa menimbulkan perasaan ingin membanyakkan amalan2 ta'at kapada Allah dan menjauhkan diri daripada perkara2 kejahatan. Perkara2 sa-demikian membuka peluang dan menjadikan kita menchapai sebab2 untok masok ka-dalam shorga dan saolah2-nya pintu shorga ada-lah terbuka pada bulan puasa, demikian juga hal-nya apabila hati kita sentiasa tergerak untok mengamalkan perkara2 yang berkebajikan, maka dengan sendiri-nya kita tidak akan terfikir untok membuat perkara2 mungkar yang melanggar perentah Allah, dan ini sa-olah2 suatu belenggu kapada shaitan2 dalam bulan puasa sa-hingga mereka tidak berjaya dalam tugas-nya untok menggoda kita. Kerana itu-lah amal ibadat puasa elok-lah di-kerjakan dengan sa-sempurna2-nya.

Dalam menuju kesempurnaan amalan puasa itu, dalam erti kata menunaikan sharat2 dan rukun2-nya dengan sa-baik2-nya, maka Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa puasa itu ada tiga tingkat — pertama, puasa umom; kedua, puasa khusus dan ketiga, puasa yang khusus dari khusus.

Ada pun puasa umom itu ia-lah orang yang menchegah perut dan kemaluan-nya daripada memenohi keinginan-nya sa-masa ia berpuasa. Ada pun puasa khusus ia-lah orang yang menchegah pendengaran, penglihatan, lidah, tangan kaki dan anggota2 tuboh lain-nya daripada membuat dosa sa-masa ia berpuasa. Ada pun puasa yang khusus dari khusus, ia-lah puasa hati daripada segala chita2 yang hina dan segala fikiran duniawi serta menchegah-nya daripada sa-lain dari Allah Subhanahu Wata'ala sa-chara keseluruhan-nya sa-masa ia berpuasa.

Puasa umom hendak-lah di-sempurnakan dengan sa-baik2-nya ia-itu saperti yang di-tentukan oleh sharat2 dan rukun2-nya. Dalam pada itu ada-lah elok jika kita berusaha untok meningkatkan amal ibadat puasa kita ka-arah puasa khusus, dalam erti kata mendisiplinkan diri dalam perkara2 berikut:—



**YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.**

(1) Memelihara mata dan menchegah-nya daripada meluaskan pandangan kapada perkara2 yang di-chela dan yang makruh, dan menchegah-nya daripada memandang tiap2 perkara yang membimbangkan dan melalaikan hati daripada mengingati Allah,

(2) Menchegah lidah dalam erti kata menjaga lidah daripada perkara yang sia2, berdusta, mengumpat, berkata keji, berkata dengan perkataan2 yang boleh merenggangkan hubongan, dan yang sa-baik-nya ia-lah menggunakan lidah pada waktu2 berpuasa itu untok berdzikir kapada Allah saperti membacha Al-Kor'an.

(3) Menchegah pendengaran dalam erti kata menchegah telinga daripada mendengar perkara2 yang makruh, apa lagi yang haram di-tegah, kerana tiap2 yang haram di-uchapkan, maka haram pula mendengar-nya.

(4) Menchegah anggota2 tuboh yang lain dari segala dosa, saperti menchegah tangan dan kaki dari segala yang makruh, serta menchegah perut dari di-isi dengan segala makanan atau minuman yang shubhat pada waktu berbuka.

(5) Kita jangan-lah terlalu membanyakkan makanan pada waktu berbuka, dalam erti kata jangan-lah rongga perut itu penoh dengan makanan sa-hingga melimpah. Menurut Imam Al-Ghazali bahawa tidak-lah ada karong yang di-marahi oleh Allah daripada perut yang penoh dengan makanan,

(6) Kita perlu menjaga hati kita supaya dalam keadaan ketakutan dan harapan sa-sudah kita berbuka, kerana kita tidak mengetahui, ada-kah puasa kita itu di-terima oleh Allah atau pun puasa kita itu di-tolak oleh Allah. Kerana itu-lah perasaan takut wujud kerana tertolak-nya puasa kita itu, dan berharap supaya puasa itu di-terima oleh Allah. Demikian pendapat Imam Al-Ghazali mengenai dengan Puasa Khusus.

Dalam hal yang demikian, harapan hendak-lah di-hidupkan di-setiap hati kita, dengan chara kita mengamalkan ibadat puasa itu menurut sharat2-nya dan rukun2-nya serta puasa itu di-amalkan menurut ajaran2 pada menuju ka-arah kesempurnaan-nya, sa-bagaimana sa-bahagian-nya telah di-terangkan tadi.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala senantiasa memberkati kita dan amal ibadat kita termasok-lah amal puasa kita di-terima-Nya dan di-beri-Nya ganjaran dan pahala sa-bagaimana yang di-janjikan-Nya.

Wabillahit taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah.

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## SENARAI NAMA2 AMIL SELUROH NEGERI BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI BAGI TAHUN 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bandar Seri Begawan "A"**<br>a) Kawasan Bolkiah Kem dan sekitar-nya (yang bukan terdiri daripada AMDB dan keluarga-nya);<br>b) Kawasan Istana Edinburgh;<br>c) Kawasan Jalan Perayaan;<br>d) Kawasan Jalan Merdeka;<br>e) Kawasan Jalan Bahagia;<br>f) Kawasan Jalan Rakis;<br>g) Kawasan Jalan Telapok;<br>h) Kawasan Jalan Melabau;<br>i) Kawasan Jalan Melabau Baru;<br>j) Kawasan Barrek Kakitangan Ukor dan sekitar-nya. | Yang Dimuliakan, Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin bin Abdul Hamid. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 2. | **Bandar Seri Begawan "B"**<br>a) Kawasan Jalan Temanggong;<br>b) Kawasan Jalan Tapak Kuda;<br>c) Kawasan Jalan Senuai;<br>d) Kawasan Jalan Ong Sum Ping;<br>e) Kawasan Jalan Jawatan Dalam;<br>f) Kawasan Jalan Mabohai;<br>g) Kawasan Jalan Sekolah;<br>h) Kawasan Jalan Dato Marsal;<br>i) Kawasan Workshop JKR. | Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Awang Haji Siraj bin Abdullah. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 3. | **Bandar Seri Begawan "C"**<br>a) Kawasan Jalan Lintang;<br>b) Kawasan Jalan Simpang Sekolah;<br>c) Kawasan Jalan Tongkadeh;<br>d) Kawasan Jalan Padang;<br>e) Kawasan Jalan Dato Taib;<br>f) Kawasan Jalan Dato Isa;<br>g) Kawasan Jalan Tasek;<br>h) Kawasan Jalan Tasek Lama hingga Ang's Hotel. | Yang Mulia, Mudim Haji Mohd Yassin bin Awang Damit. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 4. | **Bandar Seri Begawan "D"**<br>a) Kawasan Madarsah JHEU;<br>b) Kawasan Jalan Maharaja Laila;<br>c) Kawasan Pusar Ulak;<br>d) Kawasan Simpang Jalan Tutong (sebelah kiri);<br>e) Kawasan Jalan Stoney;<br>f) Kawasan Jalan Dato Ibrahim;<br>g) Kawasan Barrek Hospital;<br>h) Kawasan Kedai2 BSB;<br>i) Kawasan Jalan Residency. | Yang Mulia, Mudim Awang Haji Wahid bin Awang Haji Besar. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 5. | **Bandar Seri Begawan "E"**<br>Kawasan Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Brunei (khas untok Pegawai dan kakitangan serta keluarga-nya) | *Awang Abu Bakar bin Haji Ali Hashim (Pegawai Bomba) | Di-Surau Balai Bomba, BSB. |
| 6. | **Bandar Seri Begawan "F"**<br>a) Kawasan Simpang Istana hingga ka-Batu 4 Jalan Tutong;<br>b) Kampong Talanai;<br>c) Kampong Madewa. | Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Khatib Dato' Paduka Haji Mohd Said bin Awang Tengah. | Di-Rumah Amil |
| 7. | **Bandar Seri Begawan "G"**<br>a) Kawasan Istana Darul Hana dan sekeliling-nya;<br>b) Kawasan Kampong Bandong;<br>c) Kawasan Kawalan Pulis Diraja (Permanent Escort). | *Yang Dimuliakan, Pehin Penyurat Haji Omar bin Matserudin. | Di-Surau Istana. |
| 8. | **Bandar Seri Begawan "H"**<br>Kampong Sumbiling Baru dan sa-hingga sa-belum Jalan Maharaja Laila Batu 1½ Jalan Tutong BSB. | Yang Mulia, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 9. | **Bandar Seri Begawan "I"**<br>a) Kawasan dari Recreation Club Simpang Jalan Gadong hingga ka-Jambatan Gadong;<br>b) Kawasan (Station Minyak) dan sekitar-nya;<br>c) Kawasan Jalan Kumbang Pasang. | Yang Mulia, Awang Haji Ibrahim bin Ahmad (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 10. | **Bandar Seri Begawan "J"**<br>a) Kawasan Kampong Sumbiling Lama;<br>b) Kawasan Jalan Istana Darus Salam | Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Awang Hitam (Ketua Kampong). | Di-Rumah Amil |
| 11. | **Bandar Seri Begawan "K"**<br>Kawasan Kampong Kianggeh dan sekitar-nya. | Yang Mulia, Awang Haji Puting bin Pengarah Raman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 12. | **Bandar Seri Begawan "L"**<br>a) Kawasan *Pulis Diraja* Gadong dan Kawasan *Pulis Simpanan* (Ibu Pejabat *Pulis Diraja Brunei*);<br>b) Kawasan Pulis Diraja (Ibu Pejabat Pulis Diraja Daerah Brunei-Muara (untok Pegawai Pulis Diraja dan keluarga mereka sahaja). | Yang Mulia, APO 95 Pengiran Haji Ali bin Pengiran Bustamam | Di-Surau Pulis Diraja Gadong. |

## BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI BAGI TAHUN, 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampong Sultan Lama. | Awang Haji Omar bin Duah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 2. | Kampong Pengiran Bendahara Lama. | Awang Tumar bin Lingga (Kakitangan Pejabat Letrik) | Di-Rumah Amil |
| 3. | Kampong Pengiran Pemancha Lama. | Pengiran Ibrahim bin Pg Ahmad (Kakitangan JHEU) | Di-Rumah Amil |
| 4. | Kampong Pengiran Setia Negara | Pengiran Haji Damit bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 5. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "A". | Pengiran Haji Othman bin Pg Metassan (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 6. | Kampong Bakut Pg Siraja Muda "B". | Pengiran Haji Abd Rahman Pg Haji Tejuddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 7. | Kampong Pg Kerma Indera Lama | Pengiran Mahmud bin Pg Maidin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 8. | Kampong Pg Tejuddin Hitam | *Abdul Rahman bin Kalong (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 9. | Kampong Bukit Salat | Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abd Rahman Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 10. | Kampong Ujong Bukit | Awang Mohd Noor bin Mohd Yussof (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 11. | Kampong Limbongan | Awang Haji Mohd Noor bin Pehin Khatib Abdul Razak (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 12. | Kampong Sungai Kedayan "A" | Awang Ahmad bin Jeluddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 13. | Kampong Sungai Kedayan "B" | Awang Rosli bin Haji Abd Aziz (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 14. | Kampong Ujong Tanjong | Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abd Hamid (Kakitangan JHEU). | Di-Rumah Amil |
| 15. | Kampong Kuala Sg Peminyak | Pengiran Md Kassim bin Pg Md Salleh (Guru Ugama) | Di-Rumah Amil |
| 16. | Kampong Tamoi Tengah | Awang Tengah bin Awang Othman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 17. | Kampong Tamoi Hujong | Awang Mokti bin Mohd Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 18. | a) Kampong Burong Pingai Ayer;<br>b) Kampong Sengkirap. | Pengarah Haji Othman bin Abdul Kadir (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 19. | Kampong Lurong Dalam. | *Awang Abdul Rahman bin Hj Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 20. | Kampong Sungai Pandan "A" | Awang Hj Abdullah Sunny bin Haji Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 21. | Kampong Sungai Pandan "B" | Pengidan Sarifuddin bin Pg Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 22. | Kampong Pandai Besi "A" | Awang Haji Momin bin Besar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 23. | Kampong Pandai Besi "B" | Awang Ismail bin Ja'afar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 24. | Kampong Pekan Lama | Pengiran Metassan bin Pg Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 25. | Kampong Bakut Berumput | Pengiran Othman bin Pg Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 26. | Kampong Lurong Sekuna | Awang Haji Samat bin Ibrahim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 27. | Kampong Saba Tengah | Awang Ibrahim bin Besar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 28. | Kampong Saba Laut | Awang Haji Masri bin Raub (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 29. | Kampong Saba Hujong | Che'gu Haji Abdul Hamid bin Haji Perali (Guru Ugama) | Di-Rumah Amil |
| 30. | Kampong Saba Darat "A" | Awnag Haji Metali bin Mat Yassin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 31. | Kampong Saba Darat "B" | Awang Haji Sa'at bin Haji Idris (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 32. | Kampong Pekilong Muara | Awang Damit bin Merali | Di-Rumah Amil |
| 33. | Kampong Setia Pahlawan Lama | Awang Haji Abdul Rahman bin Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 34. | Kampong Peramu | Awang Haji Awang bin Jambol @ Haji Chuchu (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 35. | Kampong Ujong Kelinik | Awang Mohd Saleh bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 36. | Kampong Sungai Kebun | Awang Haji Ludin bin Gapar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 37. | Kampong Sungai Siemas | Awang Mohammad bin Halim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 38. | Kampong Setia "A" | Awang Haji Kapitan bin Pengarah Haji Besi (Ketua Kampong). | Di-Rumah Amil |
| 39. | Kampong Setia "B" | Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |

* Amil yang baharu di-lantek.

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## KAWASAN PENDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI-MUARA BAGI TAHUN 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bunut**<br>Kampong Bunut Batu 5 Jalan Tutong | Awang Annuar bin Mohd Yusof (Imam Masjid Kg. Bunut) | Di-Masjid Kg. Bunut. |
| 2. | Kampong Tasek Meradun | Pengiran Haji Ahmad bin Pg Md Daud (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 3. | **Bengkurong**<br>a) Kampong Bengkurong;<br>b) KampongBurong Lepas;<br>c) Kampong Sinarubai. | Awang Haji Chuchu bin Hj Nayan (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 4. | **Kilanas**<br>a) Kampong Kilanas;<br>b) Kampong Jangsak;<br>c) Kampong Tanjong Bunut. | Awang Ghafar bin Abdul Ghani (Imam Masjid Kg Kilanas) | Di-Masjid Kg. Kilanas. |
| 5. | **Sengkurong**<br>a) Kampong Sengkurong "A";<br>b) Kampong Sengkurong "B";<br>c) Kampong Mulaut;<br>d) Kampong Jalan Mulaut;<br>e) Kampong Pasai;<br>f) Kampong Selayun;<br>g) Kampong Tagap;<br>h) Kampong Sungai Tampoi;<br>i) Kawasan Khemah Tahanan Jerudong. | Awang Haji Baha bin Abdul Karim (Imam Masjid Kg Sengkurong)<br>dan<br>Awang Nayan bin Juma'at (Bilal Masjid Kampong Sengkurong) | Di-Masjid Kg. Sengkurong. |
| 6. | Kampong Jerudong | Pengiran Haji Jamaluddin bin Pg Bahar (Imam Masjid Kampong Jerudong) | Di-Masjid Kg. Jerudong. |
| 7. | Kampong Tanjong Nangka | *Awang Haji Kahan bin Israil (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 8. | **Kati Mahar**<br>a) Kampong Kati Mahar;<br>b) Kampong Kulapis;<br>c) Kampong Lugu. | Awang Haji Mohiddin pin Tabib (Imam Masjid Kg Kati Mahar) | Di-Masjid Kg. Kati Mahar. |
| 9. | **Panchor Murai**<br>a) Kampong Panchor Murai;<br>b) Kampong Batong;<br>c) Kampong Imang. | Awang Haji Jumat bin Haji Murah (Imam Masjid Kg Panchor Murai) | Di-Masjid Kg. Panchor Murai. |
| 10. | **Masin**<br>a) Kampong Masin;<br>b) Kampong Babatik. | Awang Haji Jumat bin Haji Nayan (Imam Masjid Kg Masin) | Di-Masjid Kg. Masin. |
| 11. | **Pengkalan Batu**<br>a) Kampong Pengkalan Batu;<br>b) Kampong Parit;<br>c) Kampong Batu Ampar. | Awang Maji Metali bin Sudin (Imam Masjid Kg Pengkalan Batu) | Di-Masjid Kg. Pengkalan Batu. |
| 12. | **Limau Manis**<br>a) Kampong Limau Manis;<br>b) Kampong Kuala Lurah;<br>c) Kampong Batang Perhantian;<br>d) Kampong Bukit;<br>e) Kampong Wasan. | Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Md Daud (Imam Masjid Kampong Limau Manis) | Di-Masjid Kg. Limau Manis. |
| 13. | Kampong Junjongan | *Awang Tuah bin Ladi (Imam Masjid Kampong Junjongan) | Di-Masjid Kg. Junjongan. |
| 14. | **Lumapas**<br>a) Kampong Lumapas;<br>b) Kampong Penchor;<br>c) Kampong Kilugus. | *Awang Haji Nudin bin Bakar (Pmk Imam Masjid Kampong Lumapas) | Di-Masjid Kg. Lumapas. |
| 15. | **Lupak Luas**<br>a) Kampong Lupak Luas;<br>b) Kampong Tarap Bau. | Awang Mohd Hashim bin Haji Ja'afar @ Md Zain (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 16. | **Kasat "A"**<br>a) Kampong Kasat;<br>b) Kampong Buang Sakar. | Awang Kamis bin Haji Tersad (Imam Masjid Kg Kasat) | Di-Masjid Kg. Kasat. |
| 17. | **Kasat "B"**<br>a) Kampong Putat;<br>b) Kampong Baong; | Awang Sani bin Akim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 18. | **Menunggol**<br>a) Kampong Menunggol;<br>b) Kampong Riong. | Awang Ja'afar bin Kassim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 19. | **Gadong "A"**<br>a) Kampong Pengkalan Gadong<br>b) Kawasan Barrek Letrik. | Pengiran Haji Md Daud bin Pengiran Haji Abd Rahman | Di-Rumah Amil |
| 20. | **Gadong "B"**<br>a) Kampong Gadong Estate;<br>b) Kampong Rimba. | Awang Amit bin Hj Bungsu (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 21. | **Gadong "C"**<br>a) Kampong Tungku;<br>b) Kampong Katok. | Awang Hj Alim bin Ja'afar (Ketua Kampang) | Di-Rumah Amil |
| 22. | **Gadong "D"**<br>Kampong Mata-Mata. | Awang Haji Berudin bin Awang Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 23. | **Gadong "E"**<br>Kampong Beribi | Awang Haji Sukor bin Haji Pakar (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 24. | **Gadong "F"**<br>Kampong Kiarong | Awang Hassan bin Haji Ahim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 25. | Kampong Kiulap | Awang Mohammad bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 26. | Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Bolkiah Kem (untok Askar Melayu Diraja dan keluarga2 mereka sahaja) | *Captain Jumat bin Zakaria (Pegawai AMDB)<br>*Ustaz Jemain bin Kaliman (Guru Ugama) | Di-Surau Askar Melayu Diraja Bolkiah Kem. |
| 27. | **Perpindahan Berakas**<br>a) Kampong Jaya Bakti;<br>b) Kampong Jaya Setia;<br>c) Kampong Burong Pingai Berakas. | Awang Haji Ibrahim bin Othman (Imam Masjid Sufri Bolkiah Berakas) | Di-Masjid Sufri Bolkiah Berakas. |
| 28. | Kampong Lambak "A" | Awang Pudin bin Jumabat (Ketua Kampang) | Di-Rumah Am[…] |
| 29. | Kampong Lambak "B" | Awang Haji Juna bin Abd Kahar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 30. | Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Berakas Kem (untok Askar Melayu Diraja dan keluarga2 mereka sahaja). | *Captain Pengiran Tajuddin bin Pg Hashim (Pegawai AMDB)<br>*Ustaz Ahmad bin Haji Mokthar (Guru Ugama) | Di-Surau Askar Melayu Diraja Berakas Kem. |
| 31. | **Masjid Mohammad Bolkiah**<br>a) Kampong Serusop dan termasok Kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan;<br>b) Kawasan Pulis Lapanganterbang dan sekitar-nya. | Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Abd Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Ja'afar<br>dan<br>Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Khatib Haji Mohd Yussof bin Abdul Latif. | Di-Masjid Mohammad Bolkiah. |
| 32. | Kampong Delima Satu Pengiran Siraja Muda. | Pengiran Haji Buntar bin Pg Sulaiman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 33. | Kampong Pancha Delima. | Awang Haji Ya'akub bin Hj Metali (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 34. | **Anggerek Desa**<br>a) Kampong Anggerek Desa;<br>b) Kampong Pulaie. | Pengiran Yabya bin Pg Hashim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 35. | Kampong Orang Kaya Besar Imas. | Awang Haji Mohammad bin Haji Jamaluddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 36. | **Manggis**<br>a) Kampong Manggis;<br>b) Kampong Sungai Akar;<br>c) Kampong Madang;<br>d) Kawasan Pusat Latehan Pulis Diraja Jalan Muara | Awang Haji Nasir bin Tarif (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 37. | **Sungai Hanching**<br>a) Kampong Sungai Hanching;<br>b) Kampong Salambigar;<br>c) Kampong Sungai Tilong. | Awang Hashim bin Ahmad (Imam Masjid Kampong Sungai Hanching) | Di-Masjid Kg. Sg Hanching. |
| 38. | **Tanah Jambu**<br>a) Kampong Tanah Jambu;<br>b) Kampong Salar. | Awang Ismail bin Mohd Daud (Imam Masjid Kg Tanah Jambu) | Di-Masjid Kg. Tanah Jambu. |
| 39. | **Muara**<br>a) Kampong Sabun;<br>b) Kampong Serasa;<br>c) Kampong Kapok;<br>d) Kawasan Rumah Pegawai2 Kerajaan Tanjong Pelumpong;<br>e) Kawasan Balai Pulis Diraja Pekan Muara;<br>f) Kawasan Balai Bomba Pekan Muara;<br>g) Kampong Masjid Lama, Muara. | Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mahmud (Imam Masjid Setia Ali Muara) | Di-Masjid Set[…] Ali, Muara. |
| 40. | Kawasan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei Muara (untok Askar Melayu Diraja dan keluarga2 mereka sahaja). | *Captain Jalil bin Haji Ahmad (Pegawai AMDB)<br>*Ustaz Ibrahim bin Haji Ahmad (Guru Ugama) | Di-Surau Ang[…] katan Laut Pertama AMD[…] Muara. |
| 41. | Kampong Sungai Buloh | Pengiran Jamaluddin bin Pg Haji Kahar (Guru Ugama) | Di-Rumah Pe[…] hulu Mukim Mentiri. |
| 42. | Kampong Batu Marang | Pengiran Abdul Samad bin Pg Abu Bakar (Imam Masjid Kampong Batu Marang) | Di-Masjid Kg. Batu Marang. |
| 43. | Kampong Mentiri | Awang Dewa bin Awang Rabaha (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 44. | Kampong Sungai Besar | Awang Md Yassin bin Metussin (Imam Masjid Kampong Sungai Besar) | Di-Masjid Kg. Sg. Besar. |
| 45. | Kampong Pulau Baru2 | Awang Mohammad bin Hj Menuddin (Imam Masjid Kampong Pulau Baru2) | Di-Masjid Kg. Pulau Baru2. |
| 46. | Kampong Sungai Belukut | Awang Hj Ya'akub bin Hj Tengah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 47. | Kampong Sungai Matan | Awang Damit bin Menuddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 48. | Kampong Serdang. | Awang Haji Jumat bin Hj Mertarsat (Imam Surau Kampong Serdang) | Di-Surau Kg. Serdang. |
| 49. | Kampong Pudak | Awang Mohd Yassin bin Idris (Imam Masjid Kampong Pudak) | Di-Masjid Kg. Pudak. |
| 50. | Kampong Dato Gandi | Awang Abu Bakar bin Mohd Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 51. | Kampong Pelambayan | Awang Ibrahim bin Haji Mertarsad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 52. | Kampong Kota Batu | Pengarah Haji Jalil bin Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 53. | **Pintu Malim**<br>a) Kampong Pintu Malim;<br>b) Kampong Sungai Lampai. | Awang Haji Ludin bin Hj Hashim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |
| 54. | **Subok**<br>a) Kampong Subok;<br>b) Kampong Belimbing. | Awang Haji Kamis bin Tangkim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Am[…] |

* Amil yang baharu di-lantek

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah**<br>a) Kawasan Kuala Tutong;<br>b) Kampong Sengkarai;<br>c) Kampong Petani;<br>d) Kawasan Bukit Bendera dan Sungai Basong. | Awang Johari bin Abdul Hamid (Imam Masjid Hasanal Bolkiah) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah. |
| 2. | **Kawasan Timor Masjid Hassanal Bolkiah**<br>a) Kampong Suran;<br>b) Kampong Panchor Dulit;<br>c) Kampong Panchor Papan;<br>d) Kampong Rambai. | Awang Abu Bakar bin Haji Ya'akub (Pmk. Bilal Masjid Hassanal Bolkiah) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah. |
| 3. | Mukim Masjid Chaya Derma Bakti Penanjong | Awang Abd Wahab bin Haji Othman (Imam Masjid Chaya Derma Bakti Penanjong) | Di-Masjid Chaya Derma Bakti Penanjong. |
| 4. | Mukim Masjid Kampong Sinaut. | Awang Judin bin Mohd Yussof (Imam Masjid Kg Sinaut) | Di-Masjid Kg. Sinaut. |
| 5. | Mukim Masjid Kampong Keriam | Awang Ahmad bin Jumat (Imam Masjid Kg Keriam) | Di-Masjid Kg. Keriam. |
| 6. | Mukim Masjid Kampong Kupang | Awang Bohari bin Kemat (Imam Masjid Kg Kupang) | Di-Masjid Kg. Kupang. |
| 7. | Mukim Masjid Kampong Birau. | Awang Abdul Rahman bin Serudin (Imam Masjid Kg Birau) | Di-Masjid Kg. Birau. |
| 8. | Mukim Masjid Kampong Lamunin | Awang Ahmad bin Hussain (Imam Masjid Kg Lamunin) | Di-Masjid Kg. Lamunin. |
| 9. | Mukim Masjid Kampong Layong | Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Lahid (Imam Masjid Kampong Layong) | Di-Masjid Kg. Layong. |
| 10. | Mukim Masjid Kampong Kiudang | Awang Othman bin Talipuddin (Imam Masjid Kampong Kiudang) | Di-Masjid Kg. Kiudang. |
| 11. | Mukim Masjid Kampong Tanjong Maya | Awang Subohi bin Abdul Kadir (Imam Masjid Kg Tanjong Maya) | Di-Masjid Kg. Tg. Maya. |
| 12. | Mukim Masjid Kampong Tumpuan Telisai | Awang Sabtu bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg Tumpuan Telisai) | Di-Masjid Kg. Tumpuan Telisai. |
| 13. | Mukim Masjid Kampong Danau | Awang Haji Abd Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kampong Danau) | Di-Masjid Kg. Danau. |
| 14. | Mukim Masjid Kampong Penapar | Pengiran Mumin bin Pg Sulaiman (Imam Masjid Kampong Penapar) | Di-Masjid Kg. Penapar. |
| 15. | Mukim Masjid Kampong Menangah dan Bukit Sulang | Awang Ali bin Jambol (Imam Masjid Menangah dan Bukit Sulang) | Di-Masjid Kg. Menangah, Bukit Sulang. |
| 16. | Mukim Masjid Kampong Bukit Beruang | Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg Bukit Beruang) | Di-Masjid Kg. Bukit Beruang. |
| 17. | Kawasan Kampong Bekiau | Pengiran Othman bin Pg Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 18. | Kawasan Kampong Bukit Panggal | Awang Haji Mumin bin Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 19. | Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Battalion Kedua Tutong Kem. | a) Majod Pengiran Haji Jaluddin bin Pg Mustapa<br>b) Awang Alikhan bin Haji Ismail (Imam Surau AMDB Tutong Kem). | Di-Surau Batallion Ke-2 Tutong Kem. |
| 4. | Mukim Sungai Liang, Belait | a) Awang Haji Abd Wahri bin Haji Abdul Wahab (Penghulu Mukim Liang)<br>b) Che'gu Haji Hassan bin Haji Mohammad (Guru Ugama) | Di-Masjid Mukim Liang. |

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH BELAIT BAGI TAHUN, 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Dari Roundabout, Batu 4 Kuala Belait hingga Sungai Tujoh Kuala Belait | a) Awang Zainal bin Idris (Imam Masjid Mohd Jamalul Alam K. Belait)<br>b) Awang Shafiee bin Omar Inche, (Bilal Masjid Mohd Jamalul Alam Kuala Belait)<br>c) Che'gu Osman bin Abdullah (Guru Ugama)<br>d) Che'gu Jayah bin Buntar (Guru Ugama) | Masjid Mohd Jamalul Alam, K. Belait. |
| 2. | Dari Sungai Bera hingga ka-Lorong 3, Seria | a) Awang Haji Yusof bin Munjil (Imam Masjid Pekan Seria)<br>b) Che'gu Johari bin Kamis (Guru Ugama). | Masjid Pekan Seria. |
| 3. | Dari Lorong 4 hingga ka-Roundabout, Batu 4 Kuala Belait | a) Awang Japar bin Ibrahim (Khatib Masjid Pekan Seria)<br>b) Che'gu Talipuddin bin Mahari (Guru Ugama) | Di-Masjid Pekan Seria |

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 5. | Mukim Labi, Belait | a) Che'gu Suhaimi bin Abang (Guru Ugama)<br>b) Che'gu Kasim bin Jasin (Guru Ugama) Pmk Imam | Di-Masjid Mukim Labi. |
| 6. | Mukim Bukit Sawat, Belait | a) Awang Haji Ali bin Othman (Imam Masjid Sungai Ubar)<br>b) Che'gu Asman bin Kasim (Guru Ugama) Pmk Bilal | Di-Masjid Sg Ubar Bukit Sawat. |
| 7. | Mukim Kuala Balai, Belait | a) Awang Safiee bin Lowin (Ketua Kampong Kuala Balai) | Di-Rumah Amil |

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1981/1401

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Kawasan Bangar "A"**<br>a) Kawasan Pekan Bangar;<br>b) Kg Tanjong Seri Belayang;<br>c) Kampong Puni;<br>d) Kampong Batang Tuau;<br>e) Kampong Hujong Jalan. | Awang Yahya bin Lamuddin (Pemangku Bilal Masjid Utama Mohd Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd Salleh. |
| 2. | **Kawasan Bangar "B"**<br>a) Kawasan Pekan Bangar Baru;<br>b) Kampong Menengah;<br>c) Kampong Sungai Tanam;<br>d) Kampong Sungai Tanit;<br>e) Kampong Gadong;<br>f) KampongSemamang. | Pengiran Haji Metassan bin Pg Mohd Salleh (Bilal Masjid Utama Mohd Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd Salleh. |
| 3. | **Kawasan Kampong Selangan**<br>a) Kampong Selangan;<br>b) Kampong Belingus;<br>c) Kampong Amo;<br>d) Kampong Sibut;<br>e) Kampong Sumbiling;<br>f) Kampong Belaban Baru;<br>g) Kampong Sibulu. | Awang Haji Abd Kadir bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd Rahim (Imam Masjid Kampong Selangan) | Di-Masjid Kg. Selangan. |
| 4. | **Mukim Masjid Batu Apoi**<br>a) Kampong Batu Apoi;<br>b) Kampong Negalang;<br>c) Kampong Perpindahan Gadong | Pengiran Haji Abd Rahman bin Pg Sulaiman (Imam Masjid Kg Batu Apoi) | Di-Masjid Kg. Batu Apoi. |
| 5. | **Mukim Masjid Bokok**<br>a) Kampong Bokok;<br>b) Kampong Rataie;<br>c) Kampong Bakarut;<br>d) Kampong Meniup;<br>e) Kampong Belais;<br>f) Kampong Buda2<br>g) Kampong Sembatang;<br>h) Kampong Kenua;<br>i) Kg Semabat/Kg Temada. | Awang Haji Sabtu bin Abd Ghani (Imam Masjid Kg Bokok) | Di-Masjid Kg. Bokok. |
| 6. | **Mukim Masjid Labu Estate**<br>a) Kampong Labu Estate;<br>b) Kampong Senukoh;<br>c) Kampong Piasau2. | Awang Ahmad bin Tengah (Imam Masjid Kampong Labu Estate) | Di-Masjid Kg. Labu Estate. |

* Amil yang baharu di-lantek.

## Penuntut2 maktab mulai kursus

GADONG. — Sa-ramai 250 orang penuntut baru bagi Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, telah menjalani Minggu Orientasi sa-lama satu minggu di-sini yang bermula dari hari Sabtu 27hb. Jun dan berakhir pada hari ini.

Sa-panjang minggu itu, penuntut2 telah menjalani beberapa aktiviti, antara-nya termasok-lah kerja2 bagi membersihkan kawasan maktab berkenaan, membersihkan kawasan2 perkuboran orang2 Islam dan lain2 lagi.

Di-samping itu, penuntut2 tersebut telah juga mendengar beberapa cheramah dari ketua2 jabatan yang telah di-undang khas untok memberikan penerangan2 mengenai sa-sebuah jabatan itu.

Minggu suaikenal itu di-anjorkan bertujuan untok memberikan kesempatan kapada penuntut2 baru untok berbual mesra serta berkenal-kenalan sa-belum mereka menjalani kursus sa-lama tiga tahun di-maktab tersebut.

Sa-lain dari itu, persembahan kebudayaan dan sokan juga telah di-adakan antara-nya perlawanan bola sepak, permainan dalam, achara unggun api dan sambutan Isra' Me'raj pada malam 30hb. Jun.

Sa-orang pencheramah khas yang di-undang pada malam itu ia-lah Ustaz Haji Abd Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Bagi achara kemunchak Minggu Orientasi itu akan di-adakan sa-lepas Hari Raya Aidil Fitri akan datang.

## Memerhati sambil belajar

BERAKAS. — Lima orang pegawai dari Jabatan Letrik telah berlepas ka-Jepun pada 30hb. Jun lalu, untok memerhati sambil belajar mengenai penyambongan kabel di-Sharikat Industri Fuji di-Tokyo bagi sa-lama sabulan.

Menyertai rombongan yang di-ketuai oleh Awang Haji Ahmad bin Mudim Bakar dari Bahagian Penyambongan Kabel ia-lah Awang Taha bin Ismail, Awang Moto bin Uking, Awang Puasa bin Brahim dan Awang Yusof bin Ahmad.

Pemargian mereka itu merupakan kali pertama pegawai2 dari jabatan tersebut di-hantar bagi memerhati sambil belajar mengenai penyambongan kabel. Dua orang lagi di-jangka akan berlepas ka-Jepun bulan depan bagi tujuan yang sama.



## BINTANG KECHI RADIO 1981

ERWAN Md Said, 9 ta munchol sekali lagi jadi Juara kali yang dua-nya, menewaskan bilan orang peserta di- lam pertandingan Bint Kechil Radio 1981 pa hari Ahad, 28hb Jun 19 bertempat di-Dewan R RTB.

Tempat kedua (Naib han) jatoh kapada pend baru Tizan Jamudin, dan tiga Siti Zuraidah Haji Wahab.

Pertandingan tersebut juruacharakan oleh Da Aya Haji Abd Hamid dan lawak terkenal dari Sem jong Malaysia, Jamali Sh

Pertandingan ini, di kan oleh Bahagian Mela dio Brunei buat kali yan empat-nya, dan pada ini penyertaan kanak2 berumor di-antara tujoh ga dua belas tahun menggalakkan.

Pada tahun ini, peserta kehendaki membawa dua lagu, satu lagu wajib Brunei) dan satu lagu pi peserta.

Tujuan Bahagian M mewajibkan sa-buah lagu nei Asli itu, ia-lah sa- untok memperkenalkan yang menjadi warisan datok nenek kita pada man2 yang silam dan dapat di-nyanyikan oleh kanak2 dan juga dewasa pada ketika ini.

Pertandingan Bintang chil Radio 1981 pada ini di-taja oleh Sharikat masaran Shell Brunei.

Hadiah2 telah di-samp oleh Pemangku Pengawa dio dan Talivishen B Awang Abdul Razak bin Muhammad.



## Mulai dari 15hb. Julai

SIARAN MELAYU RADIO BRUNEI AKAN BERMULA DARI JAM 6.00 PAGI TERUS-MENERUS HINGGA JAM 10.30 MALAM TIAP HARI.

BERITA SAMBONGAN DARI BBC LONDON AKAN DAPAT DI-DENGAR PADA TIAP2 HARI JAM 9.30 MALAM.

## UJI-LAH BAHASA KITA

DALAM ranchangan UJI-LAH BAHASA KITA yang di-siarkan pada hari Jumaat, 10hb Julai nanti, parokan2 mengambil bahagian ia-lah terdiri dari Sekolah Sains Muara yang di-sertai oleh Awang Irwan Haji Abdul Ra Dayang Zurainah Karim dan Dayang Faridah Abdul H sementara dari SMM Bendahari Sakam, Bunut di-sertai Dayang Sidah Badar, Malai Norain Sh Mohammad dan yang Mayatinah Momin. Di-antara soalan yang di-uta kapada mereka ia-lah apa-kah peribahasa yang bererti suara yang parau serta garau yang tidak sesuai menyany lain2, jika awda sudah menjawap-nya dan ingin mema sama ada betul atau tidak, jangan lupa, ikuti-lah ranch UJI-LAH BAHASA KITA yang akan ka-udara pada J ini 10hb Julai jam 10.30 pagi.

# *Kampong terpuji*

**SIRI Ranchangan Kampong Terpuji kini menemui awda pendengar kembali dengan berbagai bentok kegiatan dari anak buah kampong, di-mana pun anak buah kampong itu di-temui.**

Dalam ranchangan yang sering ka-udara chuma pada waktu yang terhad ini, tentu-lah tidak menchukopi untok memaparkan semua aspek perkembangan dan pembangunan dari kampong2 yang berkenaan itu. Namun demikian hasrat Bahagian Melayu Radio Brunei tidak lari dari tujuan asal-nya bagi memperdengarkan kapada peminat ranchangan ini dalam pelbagai sudut kemajuan di-setiap kampong2 yang menyertai-nya.

Dalam siri ini penerbit beserta rakan sejawat telah sempat berkunjong ka-Kampong Labu, Temburong.

Untok mengetahui, apa-kah isi temu-ramah penerbit dengan anak buah kampong yang di-kunjongi itu, awda jangan lupa untok mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada 12hb Julai, 1981 jam 2.00 petang.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 8HB. JULAI

…ANG

PEMBUKAAN
KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
SUSUNAN RANCHANGAN
KAP KAP UDANG
THE NATURE OF THINGS: "Pattern of Pain"
GODZILLA: "The Horror of Forgotten Island"
MORK AND MINDY: "Mork And The Bum"
SAPHHIRE AND STEEL: Dalam siri baru kali ini Sapphire dan Steel akan meneruskan penyiasatan2-nya terhadap prisek2 rahsia lain.
RENGKASAN BERITA
KATUN
MARI SEMBAHYANG
CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
BEDOK/AZAN MAGHRIB
NASHID

…AM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
B J AND THE BEAR: "B. J. and The Seven Lady Truckers" Bahagian kedua.
AZAN ISHA
B J AND THE BEAR — sambongan
WARTA BERITA
MAJALLAH BRUNEI
RAMADHAN DI-DUNIA
KNOTS LANDING: "Community Spirit" Pendudok Knots Landing membantah apabila mengetahui sa-buah sharikat hendak menggali minyak di-perayeran pantai mereka.
TAYANGAN GAMBAR INGGERIS: "Benjamin"
SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 9HB. JULAI

…ANG

PEMBUKAAN
KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
SUSUNAN RANCHANGAN
KAP KAP UDANG
SESAME STREET
FABULOUS FUNNIES
MYSTERIOUS WORLD: "Dragons, Dinosaurs and Giant Snakes."
RENGKASAN BERITA
KATUN
CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
BEDOK/AZAN MAGHRIB
NASHID

…AM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY (Siri baru) "The Awakening"
AZAN ISHA
7.56 BUCK ROGERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.45 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THREE'S COMPANY: "Cyrano-De-Tripper"
10.10 PROFESSIONALS "The Gun"
11.00 GREAT WESTERN THEATRE
11.50 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 10HB. JULAI

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 FOLLOW ME
4.30 CHILDREN'S SERIAL: "Professor Popper's Problems"
4.45 SUPER GLOBETROTTERS: "Sgt Versus Rob and the Globots"
5.10 DR WHO — Episod kedua
5.40 THE MUPPETS: "Buddy Rich"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KATUN
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.41 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.45 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GOLDEN MOMENT
7.52 AZAN ISHA
7.56 GOLDEN MOMENT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.40 DOKUMENTARI: Year of the Disabled — "They're Only Human Beings Like The Rest of Us".
9.10 NOBODY'S PERFECT "The Return of the Ocelot"
9.40 INTERNATIONAL FOOTBALL: England vs Scotland
10.30 QUINCY
11.25 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 11HB. JULAI

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 SESAME STREET
5.10 THE MERRIE MELODIES SHOW
5.35 BEWITCHED: "Paris, Witches Style" Ayah Samantha marah kerana Sam dan Darrin tidak singgah di-London dalam perjalanan mereka ka-Paris.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KATUN
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM PI
7.53 AZAN ISHA
7.57 MAGNUM PI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 RAMADHAN DI-DUNIA
9.05 MARI MEMASAK
9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA
11.10 WIMBLEDON LADIES SINGLES TENNIS FINALS
12.40 SIARAN TAMAT.



SIRI The Sandbaggers minggu ini menghidangkan episod: "It Couldn't Happen Here" jam 9.40 malam, Ahad depan.

## AHAD — 12HB. JULAI

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
4.45 VISION ON: "Birds"
5.15 RICHIE RICH
5.40 CHILDREN'S SHORT STORIES: "The Mitt"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KATUN
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK: "Fast Lane"
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.40 THE BOSOM BUDDIES
9.05 POTRET PENYANYI
9.40 THE SANDBAGGERS No. 5: "It Couldn't Happen Here"
10.30 THE BIG VALLEY: "The Stallion"
11.20 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 13HB. JULAI

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 FOLLOW ME
4.30 SEALAB 2020: "The Shark Lover" Kompleks Sealab sentiasa di-ancham oleh sa-kumpolan ikan yu yang ganas.
4.50 ANIMAL WORD: "Animals of the Arctic Sea" Mempaparkan binatang2 yang terdapat di-kawasan Arctic Sea.
5.15 TARZAN: "Persils of Chastity Jones" Bahagian kedua.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KATUN
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHOESTRING (Siri baru) "Private Ear"
7.53 AZAN ISHA
7.57 SHOESTRING — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 RAMADHAN DI-DUNIA
9.05 SEAGULL ISLAND Episod kedua.
9.55 DOKUMENTARI: Prince for Our Time.
10.45 HILL ST BLUES
11.35 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 14HB. JULAI

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 THE MUNCH BUNCH — "The Coin Exchange"
4.30 HANDFUL OF SONGS
4.45 AQUAMAN
5.15 LIFE ON EARTH (Ulangan) "Infinite Varieties"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH — sambongan
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT
7.53 AZAN ISHA
7.57 240 ROBERT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.40 ARENA SOKAN
9.10 TAYANGAN GAMBAR: "The Odd Couple" Pelakun2: Jack Lennon, Walter Mathan, Larry Haines, Herbert Edelman.
11.10 THE ASSOCIATES
11.40 SIARAN TAMAT.



…HE Odd Couple mengesahkan sa-orang jurugambar dan sa-orang juru-ulas sokan yang men-… sahabat baik sa-lepas percheraian dari isteri masing2. Walau pun jurusan mereka ber-… menjadikan kehidupan selalu bertelingkah, tetapi persahabatan mereka tetap kukoh.

# KEBERANGKATAN DYMM K

# MUZIUM BRUNE





KEBAWAH DYMM bersemayam (gambar atas) ketika mendengar taklimat mengenai Jabatan Muzium Brunei yang di-sembahkan oleh Pengiran Dato Sharifuddin, Pengarah Muzium2 Brunei (gambar sebelah).





DI-BILEK tetamu Pengarah Muzium2 Brunei ini (gambar sebelah kiri) Baginda dan Baginda di-perlihatkan beberapa bahan tembikar yang merupakan khazanah nega satu2-nya sukar di-perolehi. Dan Baginda (atas) menyaksikan sa-chara deka buku2 yang kini menjadi bahan khazanah yang bakal di-warithkan kapada jenera akan datang. Manakala gambar bawah kiri, adinda Baginda tidak ketinggalan u nyaksikan sa-bahagian dari bahan bertulis yang di-pamerkan.





# ATAN



tersenyum ketika mendengar sa-suatu penjelasan garah Muzium2 Brunei dalam lawatan Baginda h negara di-jabatan tersebut, dan gambar bawah, an dari salah sa-orang pegawai kanan jabatan itu pamerkan.



KETIBAAN Baginda telah di-sambut oleh pegawai2 kanan jabatan berkenaan dan di-ziarahi sa-belum di-junjong untok mendengar taklimat.





BAGINDA Yang Dipertuan ketika di-bawa menyaksikan sa-bahagian dari binatang2 yang sudah di-awetkan dan di-beri penjelasan oleh Pengarah Muzium2 Brunei.





giran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran gelak ketika menyaksikan pameran bahan ini (gambar kiri), bertulis yang di-saksikan tidak ketinggalan meluchukan hati akala gambar kanan burong merak yang sudah di-awetkan ini Teramat Mulia akan betapa keindahan bulu-nya yang sa-mula jadi.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

DI-MULAI jam 6.00 pagi hingga pukol 2.00 petang. Dan dari jam 5.00 petang sa-hingga 10.30 malam, bagi hari2 Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

Dari jam 6.00 pagi sa-hingga 10.30 malam bagi tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Jumaat dan Ahad.

7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang (tiap2 hari Jumaat, Sa Ahad)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Ba Iban)
10.00 malam (Rengkasan Berita

### Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar (tiap hari Jumaat, Sa
Maghrib
Isha.

### Hari Rabu 8hb. Julai

PAGI:
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsta
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Jogat
10.30 Surat Dari London
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)

T/HARI:
1.30 Persembahan-ku

PETANG:
5.03 Untok Belia
5.45 Senandong Ria
6.15 Menjelang Sungkai.

MALAM:
7.00 Kenangan Mengusik Jiwa
8.30 Bingkisan Tanah Ayer (SU)
9.00 Serbanika Hiboran (SU)
9.30 Chitra Irama (SU).

### Hari Khamis 9hb. Julai

PAGI:
8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI:
12.00 Ira Kenchana/Puspa Irama
1.00 Chitra Wara
1.30 Majallah Radio

PETANG:
5.03 Majallah Ugama/Petikan Soal Jawap Ugama
5.45 Lagu2 Nasehat.
6.15 Menjelang Sungkai.

MALAM:
7.00 Bachaan Surah Yassin
7.30 Bimbingan Al-Kor'an
8.30 Sandiwara Radio (SU)
9.00 Tafsir Al-Kor'an
9.30 Hidayat.

### Hari Jumaat 10hb. Julai

PAGI:
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Uji-lah Bahasa Kita
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
12.30 Menunaikan Sembahyang Jumaat
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:
2.00 Ruangan Ketani
2.30 Persembahan Lagu2 Ghazal
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Kuiz Ka-Sekolah-Sekolah
4.30 Langgam Suara
5.00 Ira Kenchana
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
7.00 Cherpen dan Salokan
8.30 Mari Berpantun
9.00 Kampong Terpuji (SU)
9.30 Majallah Ugama/Petikan Soal Jawap Ugama.

### Hari Sabtu 11hb. Julai

PAGI:
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Periang Hati
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Hiboran Ranchak
10.30 Rampai Sari
11.30 Varia Peristiwa (SU)

T/HARI:
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG:
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Cherpen dan Salokan (SU).
5.00 Chitra Irama
5.45 Senandong Lagu2 Lama
6.15 Menjelang Sungkai.

MALAM:
7.00 Persembahan Lagu2 Ghazal (SU)
8.30 Langgam Suara (SU)
9.00 Kenangan Mengusik Jiwa (SU)
9.30 Titian Budaya
9.45 Persembahan Keronchong.

### Hari Ahad 12hb. Julai

PAGI:
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Pop Minggu Ini
11.00 Senandong Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
12.00 Sandiwara Radio (Tijah Anak Ayah)
12.32 Segar dan Ranchak
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG:
2.00 Kampong Terpuji (Kampong Menangah-Temburong)
2.30 Rampaian Tengahari
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Sharikat Kerjasama
5.45 Irama di-Senja
6.15 Menjelang Sungkai (dari TV)

MALAM:
7.00 Irama Dakwah
8.30 Suara Perajurit
9.30 Permintaan Lagu2 Lama.

### Hari Isnin 13hb. Julai

PAGI:
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG:
5.03 Komintar Radio
5.15 Lagu2 Pilehan
5.15 Senandong Lagu2 Asli
6.15 Menjelang Sungkai (dari T

MALAM:
7.00 Sharikat Kerjasama (SU
8.30 Kuiz ka-Sekolah2
9.00 Pertanian (SU)
9.30 Mutiara Asli (SU)

### Hari Selasa 14hb. J

PAGI:
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wa
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Untok Mu Puan
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI:
1.30 Ku Sampaikan Salam

PETANG:
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja
6.15 Menjelang Sungkai dan T

MALAM:
7.00 Gema Silam
8.30 Suara Kugiran (SU)
9.00 Lukisan Masharakat (SU
9.30 Uji-lah Bahasa Kita (S

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

**Wednesday**

DAVID'S MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Beethoven Sonata Pathelique Italian Symphony
8.45 Chinese music.
9.30 Scorlatti — Harpsichord Sonata (excerpt) Mendelssain — Octet (excerpt).

**Thursday**

P.M.
8.00 Hello Tomorrow
8.30 Perspective
8.45 The Big Band Sound
9.30 Ewan Maccoll and Peggy Seeger in Concert

**Saturday**

P.M.
8.00 The Practical World
8.15 Melody Time
8.45 Frank Muir Goes Into "Inventions"
9.30 Top of The Pops.

**Monday**

P.M.
8.00 Theatre Forty Five: "A Tale of Iron" by Ken Miyamoto.
8.45 John Fox Presents
9.30 World of Books.

**Tuesday**

JA'AFAR'S POP NIGHT

P.M.
8.00 Quiz — Just For You
8.45 Music Pleasant and Unpleasant
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special: "Gallagsher and Lyle" Side 1

**Daily**

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays
12.30 News

P.M.
9.15 News.



THE above picture shows Mrs Ra teacher at the Blind Centre, explai Producer of "Ladies at Eleven" h Sambal is prepared. This recipe ca on Thursday's edition of 'Ladies at E

**HOLIDAYS — Friday**

A.M.
11.00 English Examined
11.15 Light Music From Nehterlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Three Ladies In Stereo

P.M.
12.45 The Palm Court Trio
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Three Ladies In Stereo
8.30 Dateline
9.00 International Money Programme
9.30 Stringsound

**Sunday**

A.M.
11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Books
12.00 Frank Muir Goes Into
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIG

P.M.
8.00 Local Drama
8.30 English Examined
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Rep
9.30 Science Pop

sari
RTB
gu ini

*io Minggu Ini :*

## NAK AYAH"

-satu minggu, suasana sering
egitu juga dengan kehidupan
a drama kita kali ini akan
esah keluarga dalam soal me-

-ketengahkan oleh penulis La-
sa-orang guru yang menaroh
muda bernama Leman, yang
-orang buroh kasar.
af dan kedudokan ini, antara
a ayah Tijah (Morni) tidak
us berdampingan dengan Le-
dah terpaut benar hati-nya
ibu Tijah sendiri (Kasmah)
ereka.
ntradiki antara ayah dan ibu
h jodoh bakal suami Tijah dan

a-kah Tijah untok terus ber-
Apa-kah kesudahan perhubo-
ara Tijah dan Leman ? Ba-
hati sa-orang ayah itu boleh

esah ini selanjut-nya, awda
ikuti drama kita minggu ini
AYAH terbitan Emran Md

dara menemui pendengar dan
Ahad, 12hb Julai, 1981 jam

*masakan :*

*ERKUAH*

akan
to

N :
jau, Daun bawang, Telor dadar.
A :—
lada, belachan, serai, halia dan

chuchi. Rebuskan kulit dengan
a mendideh, tapiskan.

iris kasar.
kan bahan2 bergiling.
aging. Goreng sa-bentar.
dan serbok perasa.
yang telah di-banchoh dengan

kan sa-bentar dan angkat.
ayer panas sa-hingga lembut.
kan di-pinggan hidang.
kan sedikit bawang puteh, goreng-
angkat dan tarobkan di-atas

ee, dan taborkan hiasan2-nya.

# TAMBAHAN MASA SIARAN RADIO

MULAI hari Rabu 15hb Julai ini bahagian Melayu Radio Brunei akan menambah lagi masa siaran-nya tiga jam sa-hari pada tiap2 hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Pertambahan masa siaran ini di-buat sa-telah di-fikirkan perlu bagi mensesuaikan dengan kehendak2 masharakat pendengar sa-hari2.

Pada 23 tahun dulu siaran Melayu Radio Brunei ka-udara tiga jam sa-hari dengan ranchangan2 piring hitam. Dan pada 15hb Julai ini nanti siaran Melayu akan ka-udara 16½ jam sa-hari. Saperti sekarang Radio Brunei tidak lagi hanya membawakan lagu2 piring hitam sahaja kerana ia terpaksa melayani beraneka macham selera para pendengar. Ada di-antara mereka yang tutop telinga mendengar lagu2 piring hitam tetapi chukop senang dengan ranchangan Belajar Membacha Mukaddam. Ada yang menyumpah barangkali mendengar lagu2 'pop' tetapi pujian-nya sa-tinggi langit kapada radio bila mendengar bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dari qari2 antarabangsa.

Demikian-lah karenah atau sikap para pendengar itu. Maka sa-lama-nya begitu-lah keadaan yang di-terima radio tadi ada puji ada keji. Maka dengan menggunakan kayu ukor neracha pertimbangan chap masharakat pendengar ini tersusun-lah ranchangan2 radio dari piring hitam sampai kapada mengaji mukaddam, dari seni-budaya bangsa hingga kapada hal ehwal dunia, dari pendidekan duniawi sampai kapada pengetahuan ugama dengan tidak melupakan pula seruan-seruan dakwah kearah amal ma'ruf dan nahi mungkar.

Dalam kemajuan sains dan teknoloji hari ini yang berjaya menchipta berbagai2 alat mass media yang termoden namun radio maseh tetap unggul di-hati masharakat pendengar, dan ini di-perkatakan berdasarkan angka dan fakta yang ada pada kita. Sawaktu Radio Brunei melancharkan ranchangan Lagu2 Permintaan Derma Kebakaran beberapa bulan yang lalu, Radio Brunei telah dapat mengumpul hampir dua ribu ringgit. Talipon di-studio kita sekarang sering berdering menerima panggilan para pendengar untok menyiarkan berita2 keluarga, umat Islam di-segenap pelusok tanah ayer ramai yang bergantong kapada radio untok mempastikan waktu sembahyang. Di-pantai2 peranginan orang maseh membimbit radio untok mendapatkan hiboran dan penerangan. Dalam kereta radio2 maseh berkumandang. Memandang kapada keadaan semua ini radio sentiasa memikirkan khidmat yang lebeh baik di-perkenalkan dari sa-masa ka-semasa.

Dan mulai dari 15hb Julai juga siaran Melayu Radio Brunei akan menyambong siaran berita BBC London dalam bahasa Melayu pada tiap2 jam 9.30 malam. Kita menyedari bahawa pendengar kita sudah begitu 'sophisticated' dengan berita dan peristiwa dunia. Dengan taraf hidup yang bertambah baik ditambah lagi dengan segala macham kemudahan perhubongan moden; radio TV dan satelait kita merasakan dunia ini sudah dapat dijangkau dengan tangan sahaja, kerana itu peristewa harian yang berlaku di-empat penjuru alam ini sangat menarek perhatian kita. Naik turun-nya harga emas di-London melibatkan kita sa-chara tidak langsong. Merosot-nya dollar Amerika tempias-nya mengenai kita. Turun naik-nya harga minyak OPEC jadi perbualan kita. Telok Persi tergugat kita juga bimbang kerana letak-nya tidak jauh dari jalan ka-Mekah. Kerana itu kita bawakan berita terakhir dunia untok saudara pendengar pada tiap2 jam 9.30 malam.



**ANOTHER panel is seen during a recording of an edition of "We Care For You" which you can hear on Sunday, 12th July, at 11.00 am. They are (from left) Mr. Anthony Ng, Mr. Tan Seng Teck and Mr. Goh Kim Jock from the Health Department of Brunei, who will discussed Building and Housing Sanitation. In case you miss it this weekend, the repeat can be heard at 11.30 am on Thursday's Ladies at Eleven.**

# RANCHANGAN TVP DARI 13HB HINGGA 19HB JULAI

## ISNIN — 13HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG 388.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, HALAMAN MENGAJAR, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, HALAMAN MENGATOR dan CHERMIN SAKTI.

## SELASA — 14HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG 389.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, HALAMAN MENGAJAR, LIHAT DAN PERHATI, BERSENAM, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

## RABU — 15HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG 390.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUSIK, MAIN KIM, RUANGAN BINATANG, BERSENAM, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.

Hari ini Che'gu Rokiah akan bercherita dari hal Pelandok.

## KHAMIS — 16HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG 391.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, HALAMAN MENGAJAR, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cherita Che'gu Rokiah ia-lah Kanchil Dengan Monyet.

## JUMAAT — 17HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, YANG MANA GANJIL, AMINAH, NAIK KUDA, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

Pekerjaan sendiri Che'gu Rokiah akan mengenalkan hobi — stamp.

## SABTU — 18HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG 392.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, LUKISAN DARI RUMAH, BOLA TUMBOK, PAPAN HIKMAT, HALAMAN MENGATOR dan CHERMIN SAKTI.

## AHAD — 19HB JULAI

**PETANG**

3.45 KAP KAP UDANG.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan halaman mengajar, Che'gu Rokiah akan mengajar angka 1—5.

# PENGAKAP BRUNEI DAPAT PERHATIAN PENGAKAP LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengakap Negeri Brunei berbangga kerana mendapat perhatian daripada semua pertubohan2 pengakap luar negeri yang menyertai Jamboree Nasional Indonesia Ketiga / Jamboree Asia Pasifik ke-enam yang berlangsong di-Jakarta Indonesia baru2 ini.

Kontingen Pengakap Brunei yang mengandongi 23 orang ahli ka-jamboree tersebut telah di-ketuai oleh Pesurohjaya bagi Perhubongan dan Penerbitan Awam Pengakap, Awang Domeng bin Haji Abdul Wahab dan telah kembali ka-tanah ayer minggu lalu.

Mereka telah di-alu2kan di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di-sini oleh ahli2 pengakap yang di-ketuai oleh Ketua Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Haji Sani bin Pengiran Ahmad siapa yang menerima kembali Bendera Negeri Brunei daripada ketua kontingen.

Pengakap2 Brunei ada-lah di-antara 36,000 orang ahli2 pengakap yang terdiri daripada ahli2 pertubohan pengakap di-27 wilayah di-Indonesia dan 17 negera2 lain yang mengambil bahagian.

Jamboree yang di-anjorkan dan di-kelolakan oleh 'PRAMUKA' (Badan Pengakap di-Indonesia) itu telah di-buka rasmi oleh President Republik Indonesia, General Suharto pada 20hb. Jun lalu.

Sa-hari sa-telah pembukaan rasmi ketua kontingen bersama ketua Pertubohan negeri Brunei yang kebetulan menyertai rombongan pengakap Brunei telah di-jemput ka-Majlis ramah mesra bersama president bertempat di-Istana Merdeka.

Dalam majlis tersebut Persatuan Pengakap Brunei telah menghadiahkan chendramata untok President Indonesia.

Selain dari itu mereka juga telah menghadhiri majlis makan malam bersama Timbalan President Indonesia Tuan Adam Malik di-Kuatas Pengakap Antarabangsa Cibubur. Di-sini juga pengakap Brunei telah menghadiahkan chenderamata kapada Timbalan President yang di-sampaikan kapada wakil belia di-samping bertukar2 chenderamata dengan Ketua Gerakan PRAMUKA Indonesia, Lieutenant General Mashudi.

Dalam pertemuan 11 hari itu empat orang pengakap Brunei yang dapat menunjokkan kegiatan mereka yang chemerlang telah di-beri penghargaan dengan menerima pingat daripada pehak penganjor. Mereka ia-lah Ahmad Hj. Daud, Idris Haji Mohammad, Muhammad Yusri Sulaiman dan Ariffin Haji Sulaiman.

Di-samping dapat berkenalan dan berbinchang dengan rakan2 mereka dari luar negeri dalam pertemuan itu, pengakap Brunei merasa beruntong kerana dapat menyaksikan dan mempelajari chara yang di-jalankan oleh pengakap2 Indonesia dalam mengendalikan perkhemahan yang begitu besar.

"Dari pengalaman yang sudah di-lihat, sedikit sabanyak telah memberi pengajaran dan kira-nya buat masa akan datang andai-nya Brunei dikehendaki mengendalikan perkumpolan serupa tentu-nya kita tidak akan berhadapan dengan kesulitan2 serius," jelas salah sa-orang ahli pengakap.

Ada-lah di-fahamkan yang Persatuan Pengakap Brunei akan menganjorkan Perkhemahan Pengakap Sa-negeri bertempat di-Tasek Merimbun pada bulan Disember depan.

Menurut sa-orang juruchakap pengakap, perhimpunan itu nanti di-samping menjadi projek tahunan persatuan ada-lah untok memileh beberapa orang ahli yang akan mewakili persatuan ka-Jamboree Asia Pasifik Ketujoh/ Jamboree Malaysia Kelima yang akan di-adakan di-Kelantan Malaysia pada bulan April tahun depan.



KETUA Kontingen Brunei, Awang Domeng Haji Abdul Wahab (membelakangkan kamera) sendang bertukar2 chenderamata dengan wakil Ketua Gerakan PRAMUKA, H Soahanto.



PENGAKAP Brunei bergambar sa-jurus sa-telah pembukaan rasmi di-jamboree tersebut bertempat di-Stadium Jakarta Pusat Indonesia.

## Sekolah Inggeris Berakas lawat Perkhemahan Tutong

TUTONG. — Sa-rombongan 40 orang ahli2 pengakap yang termasok 20 orang perempuan dari Sekolah Inggeris Berakas minggu lalu telah mengadakan lawatan ka-Battalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja di-Perkhemahan Tutong di-sini.

Rombongan tersebut telah di-ketui oleh Awang Hussein bin Bakir dan sa-tiba mereka di-sana telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah Battalion tersebut Lieutenant Kolonel Bernard.

Sa-telah menerima penerangan daripada Pegawai Pengambilan, Kapten Rusli bin Mohammed Ariff, pelawat2 tersebut telah di-bawa melawat kaberbagai2 bahagian perkhemahan tersebut.




## Chawangan 'E' johan sepak tak...

Pulis

GADONG. — Chawa... 'E' dari Daerah Belai... lah munchol menjadi... han sa-telah mengalah... Chawangan 'D' dari D... rah Brunei Muara da... perlawanan sepak tak... antara yunit2 pasok... lis yang telah berla... di-Stadium Hassanal B... kiah di-sini baru2 ...

Perlawanan te... ada-lah di-anjorkan ... Majlis Sokan Pasok... lis Diraja Brunei sa-... salah satu projek tah... nya dan telah di-... oleh lima chawangan... lis seluroh negeri.

Hadiah2 telah di... paikan oleh Pemangk... nolong Pesurohjaya ... Dato Haji Abdul Ra... bin Haji Awang ... yang juga selaku pe... si perlawanan.

## Brunei mengekalkan kedudokan-nya di-tempat ketiga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei hanya berjaya mengekalkan kedudokan-nya di-tempat ketiga bersama Pasokan Malaysia dalam perlawanan akhir Bolasepak Sekolah2 Asia 18 tahun kebawah yang berlangsong di-Stadium Sanayan Jakarta baru2 ini.

Johan tahun lalu, Thailand maseh lagi mengekalkan kejagohan-nya sabagai juara apabila berhasil menumpaskan Pasokan Indonesia dalam perlawanan akhir. Indonesia dengan sendiri-nya telah di-umomkan menjadi naib johan.

Dalam siri perlawanan kali ini Brunei telah menemui Pasokan India sabagai perlawanan pembukaan-nya dan telah berjaya mengalahkan pasokan tersebut dan terus layak untok bermain dalam suku akhir.

Dalam perlawanan suku akhir kesebelasan pemain Pasokan Brunei sunggoh mendapat tentangan yang hebat tetapi telah berhasil melayakkan diri bagi perlawanan sa-paroh akhir.

Bagaimana pun Pasokan Brunei agak kechewa untok melayakkan diri dalam perlawanan perengkat akhir apabila mengalami kekalahan yang agak terok dari Pasokan Thailand dalam perlawanan saparoh akhir. Pasokan Singapura yang pada tahun lalu mendudoki tempat ketiga bersama Brunei pada tahun ini agak kurang bernasib baik apabila pasokan itu telah terkeluar oleh Pasokan Thailand dalam perlawanan permulaan-nya.

Sunggoh pun kedudokan Brunei maseh belum meningkat dari tahun sabelum-nya namun ia-nya bukan-lah bermakna permainan pemain2 Brunei maseh statik, malah keselurohan pemain Brunei telah dapat menunjokkan permainan yang membanggakan dengan melakukan serangan2 yang berkesan dan kawalan2 yang sangat rapi.

Misal-nya semasa perlawanan-nya dengan pasokan India, saperti yang ... laporkan oleh 'Sinar P... salah sa-buah akhbar ... patan Indonesia, pem... penyerang Brunei s... membuat serangan2 y... menchemaskan pe... India, sa-balek-nya ... tiap serangan yang d... kukan oleh India de... mudah telah di-pata... oleh mereka.

Menurut salah sa-o... pemerhati kita yang ... ada di-Jakarta se... perlawanan di-jala... kalau-lah tidak k... keadaan padang perm... an yang lechak dan ... ayer, besar kemungk... Brunei boleh mem... banyak jaringan.



BARU2 ini telah berlangsong sokan sekolah2 menengah ... seluroh negeri bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah G... di-mana enam rekod baru telah di-chatetkan. Mata k... han bagi lelaki dan perempuan telah di-menangi oleh M... Melayu Paduka Seri Begawan Sekolah Sains. Gambar ... menunjokkan wakil dari maktab tersebut sedang meneri... dari Jabatan Pelajaran Brunei yang di-sampaikan oleh P... ku Penolong Pelajaran Brunei Awang Mohd Dennis bin ... Rosli.

# Pegawai2 bertukar, bersara dan di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sembilan orang pegawai kanan kerajaan di-beberapa buah jabatan terlibat dalam pertukaran tugas akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Sementara itu tiga orang yang lain-nya pula menamatkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan, manakala 60 orang guru termasok 10 orang guru ugama telah di-naikkan pangkat dari bahagian2 IV hingga II.

Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Damit, Pegawai Penchen2 Kanan, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan kini di-tukar sa-bagai Penolong Timbalan Pengawal Penchen2 di-jabatan yang sama. Awang Haji Mislee bin Haji Abdullah, Pendaftaran Kereta juga di-tukar sa-bagai Pegawai Melesen dalam jabatan yang sama.

Awang Abd. Hamid bin Haji Mat Yassin, Jurutera, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-tukar sa-bagai Jurutera Rumah Sakit di-jabatan yang sama. Sementara Pg. Rosli bin Pengiran Haji Hashim @ Rosleha, Pegawai Penyelia Bangunan Tempat Perhentian, Penerbangan Awam kini di-tukar di-jabatan yang sama sa-bagai Penyelia Landasan Lapangan Terbang.

Dr. (Miss) Elizabeth Lucy Ryan, Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2, Jabatan Perubatan dan Kesihatan kini di-tukar sa-bagai Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan dan Awang Zakaria bin Dato Paduka Hj. Nordin, Jurutera Kerja Kanan JKR telah di-lantek sa-bagai Penolong Pengarah Kerja Raya di-jabatan yang sama.

Tiga orang pegawai di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan yang juga terlibat dalam pertukaran tugas termasok-lah Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan yang di-tukar sa-bagai Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat, Dayang Zaliha binte Haji Mohiddin, Pegawai Kebajikan dan Belia telah di-tukar sa-bagai Penolong Ketua Kebajikan Masharakat dan Awang Sathapaul Devaperium William, S/o Samadam, Pegawai Asohan kini di-tukar menjadi Ketua Pegawai Asohan.

Sementara itu, empat orang penolong pensharah telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pensharah di-Jabatan Pelajaran dalam bahagian II. Mereka itu ia-lah Awang Mohd Noor bin Chuchu, Awang Hamjah bin Haji Mohd Untong @ Hamzah bin Haji Untong, Pengiran Mahmud bin Pengiran Haji Mohd. Paun dan Dayang Aisah binte Haji Mohd. Yusof.

Sa-ramai empat orang guru terlateh dan tingkatan khas Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kesejehtaraan dalam bahagian III. Mereka itu ia-lah Awang Haji Mohd. Said bin Fatimah, Awang Musa bin Edin, Awang Haji Mohd. Daud bin Abu Bakar, Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Yassin.

Sementara itu 48 orang guru terlateh Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai guru2 terlateh tingkatan khas di-jabatan yang sama. Mereka itu ia-lah Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Daud, Awang Abd. Rahman bin Haji Wahab, Awang Abdul Hamid bin Maaruf, Awang Ibrahim bin Ghapar, Awang Mahmud bin Tahir, Awang Abdul Rahim bin Abdullah, Awang Mohd. Salleh bin Haji Mohd. Yusof, Dayang Norzainah binte Haji Malek, Awang Mohiddin bin Haji Abd. Ghafar, Awang Abdul Hamid bin Pehin Penglima Haji Abu Bakar, Mohd. Ali bin Burut dan Awang Abd. Ghafar bin Jumat.

Awang Jumat bin Haji Tudin, Awang Mohd. Yusof bin Judin, Awang Haji Mohd. Diah bin OKPI Hj. Layah, Awang Hidup bin Kahar, Awang Abd. Fattah bin Haji Md. Daud, Dayang Malai Sukinah binte Sh. Mahmud, Awang Md. Jaafar bin Karim, Awang Marsal bin Lagong, Awang Yahya bin Pisi, Awang Sulaiman bin Haji Latif, Awang Amol Anuar bin Dua.

Awg. Judin bin Metali, Awang Halim @ Abdul Halim bin Kunchol, Dyg. Zubaidah binte Abdullah, Awg. Azahari bin Iradat, Awang Mohd. Noor bin Othman, Pengiran Suhaili bin Pengiran Haji Abdul Ghani, Awang Yazid bin Ibrahim, Awang Mohiddin bin Ampuan Haji Abdul.

Awang Abdullah bin Abdul Rahman, Awang Abdul Rahman bin Mat Tamit @ Abdullah bin Abu Bakar, Awang Mohd. Zainal bin Abdullah, Awg. Johari bin Moktar @ Mohammad Johary Moktar, Pengiran Ahmad bin Pg. Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin, Awang Abd. Karim bin Ali/Alli, Awang Basni bin Hj. Alihassan, Pengiran Sabtu bin Pengiran Kula/Mohd. Kula, Dayang Lena binte Abdul Rahman.

Pengiran Metassan bin Pengiran Haji Mohiddin, Awang Masri bin Abu Bakar, Awang Emran bin Umar, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Haji Bustamam, Awang Mohd. Ya'akub bin Mantok, Pengiran Tengah bin Pengiran Abdul Rahman, Awang Md. Zaman bin Haji Ali, Awang Muhammad bin Haji Abu Bakar.

Guru2 ugama terlateh yang di-naikkan pangkat sa-bagai guru ugama terlateh tingkatan khas ia-lah sa-ramai sa-puloh orang. Mereka itu Awang Abd. Razak bin Haji Md. Tahir, Awang Suhaimi/Suhaini bin Abong, Pengiran Muhammad bin Pengiran Mohd. Salleh, Dayang Fatma bte Awang Haji Tuah, Awang Hamiddon bin BPS Khatib Haji Abdul Hamid.

Awang Johari bin Khamis, Awang Zaini bin Hashim, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Omarali, Awang Hidup bin Ibrahim dan Awang Emran bin Haji Sabtu.

Tiga orang pengajar teknik di-Jabatan Pelajaran telah di-naikkan sa-bagai Penolong Pengajar Teknik di-jabatan yang sama ia-itu dalam bahagian III. Mereka itu ia-lah Awang Noorhaizanudin bin Abdullah @ Budin bin Jangi, Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Paun dan Awang Suhaimi bin Haji Abas.

Dua orang Pemereksa Kanan di-Jabatan Odit telah di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pemereksa ia-itu jawatan dalam bahagian III. Mereka itu ia-lah Pengiran Mohd. Ali bin Pengiran Haji Tuah dan Awang Chong Soo Nyaip. Sementara sa-orang pemereksa terlateh, Awang Damit bin Abdul Latif telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pemereksa Kanan.

Sementara itu dua orang Ketua Pembantu Teknik di-Jabatan Letrik, Awang Lim Chui Kheng dan Malai Hashim bin Malai Haji Othman telah di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutera di-jabatan yang sama ia-itu jawatan dalam bahagian II.

Dayang Fatimah binte Haji Mohd. Hussain, Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa, Jabatan Pelajaran kini di-tukar sa-bagai Pegawai Bahasa Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka, ia-itu jawatan yang sama dalam bahagian II.

Dua orang Juru Kira di-Jabatan Kewangan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Juru Kira Kanan ia-itu jawatan dalam bahagian II. Mereka itu ia-lah Dayang Salmah binte Hj. Hanafiah dan Dayangku Hajjah Masni binte Pengiran Ali. Sementara sa-orang kerani tingkatan II di-jabatan yang sama Awang Salleh bin Haji Bungkol telah di-naikkan pangkat sa-bagai kerani tingkatan I dan di-tukar ka-Jabatan Ukor.

Beberapa orang pegawai kerajaan juga telah di-naikkan pangkat sama-da di-jabatan yang sama dan bertukar jabatan. Mereka2 itu ia-lah Dayang Doris Chen Yin Kyun @ Doris Lim, Juruteknik Makmal Kanan kini di-naikkan sa-bagai Ketua Juruteknik Makmal di-jabatan yang sama. Pg. Kamaluddin bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Foto RTB di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Foto Kanan di-jabatan yang sama.

Awang Johari bin Ismail, Ranger Hutan Tingkat I, Jabatan Kehutanan di-naikkan sa-bagai Pegawai Penanaman, Awang Mohammad Yusof bin Ahad, Kerani Tingkatan III, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-naikkan kapada Kerani Tingkatan II dan di-tukar ka-Pejabat Daerah Temburong, Haji Metussin bin Haji Mohammad, Pemereksa Tanah Kanan, Pejabat Tanah di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pemereksa Tanah di-jabatan yang sama. Sementara Dayang Saunah/Suahanah binte Haji Madin, Penyambut Tetamu, Radio Talivishen Brunei di-naikkan pangkat sa-bagai Penulis Skrip/Penolong Sekrip di-jabatan yang sama.

Sa-orang kerani tingkatan II, Jabatan Perpindahan, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perpindahan, ia-itu jawatan dalam bahagian III. Sementara Awang Basir @ Azahari bin Metali, kerani tingkat II, Jabatan Pelabohan telah bertukar ka-Jabatan Perpindahan sa-bagai Kerani Tingkatan I.

Tiga orang pemerhati kaji chuacha kanan Jabatan Penerbangan Awam telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pemerhati Kaji Chuacha Kanan Tingkat I ia-itu jawatan dalam bahagian III. Mereka itu ia-lah Awang Abdul Latif bin Abdullah/Dollah, Awg. Ho Guan Hwa dan Awang Koh Chin Fah. Awang Abd. Halim bin Haji Lamat, Pemerhati Kaji Chuacha Kanan di-jabatan yang sama juga di-naikkan sa-bagai Penyelia Kaji Chuacha dalam bahagian yang sama.

Sementara itu sa-orang pemerhati kaji chuacha tingkat II, Awang Hamzan bin Haji Hanafiah kini di-naikkan sa-bagai Pemerhati Kaji Chuacna Kanan. Dua orang Pemerhati Kaji Chuacha Kanan di-jabatan yang sama juga di-naikkan pangkat sa-bagai pemerhati kaji chuacha tingkat II. Mereka itu ia-lah Awang Samsudin bin Haji Hassan dan Awang Zaini bin Haji Pungut.

Tiga orang pegawai di-Jabatan Kerja Raya juga telah di-naikkan pangkat. Awang Ong Kai Hock, Jurutera Kerja kini sa-bagai Jurutera Kerja Kanan di-jabatan yang sama ia-itu jawatan dalam bahagian I. Awang Mohd. Shah bin Tahir, pelateh penolong jurukira di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Jurukira, ia-itu jawatan dalam bahagian II. Sementara Awang Damit bin Haji Chuchu, kerani tingkat II kini di-naikkan sa-bagai kerani tingkat I di-jabatan yang sama. Awang Haji Serud.n bin Mohd Tarif, kerani tingkat II, Pejabat Daerah Brunei dan Muara di-tukar ka-Jabatan Kerja Raya sa-bagai Kerani Tingkat I.

Sementara itu beberapa orang pegawai kerajaan yang di-naikkan pangkat dalam jawatan bahagian III terdiri dari Awg Abd Ghafor bin Haji Mohd. Salleh Pegawai Perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Ugama kini sa-bagai Pegawai Peralatan Sekolah2, dan Awg Nordin bin Haji Bakir, Juru Gambar kini sa-bagai Pegawai Foto Kanan di-jabatan yang sama.

Awang Abd. Wahab bin Haji Tengah, pekerja kebajikan dan Belia, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan kini di-naikkan sa-bagai Pegawai Padang2 dan Gelanggang Sokan di-jabatan yang sama. Pengiran Badaruddin bin Pg. Rabaha @ Pengiran Damit, kerani tingkat II Jabatan Talikom di-tukar ka-Jabatan Bomba sa-bagai Kerani Tingkat I. Dan Awang Abd. Wahab bin Haji Abdul Latip @ Haji Abdul Latif, kerani tingkat II, Jabatan Majlis2 Mashuarat di-tukar ka-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam sa-bagai Kerani Tingkat I.

Tiga orang guru terlateh tingkatan khas, Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa, ia-itu jawatan dalam bahagian III. Mereka itu terdiri daripada Pengiran Haji Mohd. Yassin bin Pengiran Kamaluddin, Pengiran Haji Hashim bin Pengiran Chuchu dan Awang Mohiddin bin Abd. Ghani.

## Perpustakaan bergerak di-tanggoh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, memaklomkan kapada semua ahli dan pembacha perpustakaan, bahawa perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Dewan Bahasa dan Pustaka terpaksa di-berhentikan buat sementara waktu perkhidmatan-nya sa-hingga 4hb. Ogos, 1981.

Penutopan sementara itu ada-lah di-sebabkan bulan puasa.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak jabatan ini akan di-jalankan sa-mula pada hari Rabu 5hb. Ogos, 1981.

## PEMBETULAN

TERDAPAT kesilapan yang amat di-kesalkan dalam keluaran Pelita Brunei 24hb Jun, 1981 Bilangan 25 di-muka depan mengenai liputan persidangan Menteri2 Luar ASEAN yang berlangsong di-Manila dalam mana Brunei menjadi pemerhati dan di-wakili oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Kesilapan2 itu ia-lah mengenai dengan terasul bagi Yang Teramat Mulia itu yang sa-patut-nya di-sebut sa-bagai Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli, tetapi bukan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli sapert mana yang terdapat dalam liputan itu.

Kesilapan yang lain ia-lah mengenai dengan keterangan gambar di-muka hadapan ketika Yang Teramat Mulia itu berangkat ka-majlis makan malam yang di-adakan oleh Menteri Luar Filipina, Yang Terutama Tuan Carlos P. Romulo. Sa-benar-nya, majlis jamuan itu ada-lah di-adakan bagi Menteri2 Luar ASEAN dan pemerhati2 ka-persidangan itu, tetapi bukan di-adakan khas bagi rombongan Brunei itu.

Kesilapan2 tersebut ada-lah amat di-kesalkan. — Sidang Pengarang.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

1. PENDA'AWA MAHKAMAH2 KADHI:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 25 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Sijil Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang hal ehwal Mahkamah dan penyiasatan serta pentadbiran pejabat.
d) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.
e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang di-nyatakan di-(b) di-atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan saperti salah satu daripada yang di-nyatakan di-bawah boleh-lah di-pertimbangkan:—
   i) 7 tahun perkhidmatan dan 3 tahun daripada-nya dalam jawatan Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama.
   ii) Pegawai2 Polis yang sudah bersara yang berpangkat tidak kurang dari Inspektor dan mempunyai pepengetahuan dan pengalaman yang luas dalam hal ehwal Mahkamah dan penyiasatan dan pendakwaan di-Mahkamah.

**Tangga Gaji:**
C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

2. JURUTAYANG/ PEMANDU:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan mengenai dengan chara2 menggunakan Projector Wayang Gambar, alat2 pembesar suara dan generator.
d) Mempunyai Lesen Memandu Kelas III.
e) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.
f) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta kebolehan dan pengalaman yang luas dalam cheraian (c) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

'Am

Chalon yang berjaya hendak-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji:**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

3. PENGHANTAR SAMAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II.
c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

**Tangga Gaji:**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Julai, 1981.

(E/886/73 — Bil: 94/1981)

## Sa-bagai Pengadil

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pengadil di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Peguambela atau Peguamchara yang mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun sama ada sa-bagai Majistret atau dalam sharikat peguam. Pengetahuan dalam Bahasa Melayu ada-lah perlu tetapi tidak mustahak.

**Tangga Gaji:**
B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205 - 2285 - 2365-2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070 - 3175 - 3280 / EB/ 3350-3445-3540-3640. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Ogos, 1981.

(E/38/75 — Bill: 100/1981)

## Sa-bagai Pembantu Teknik di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

A. PEMBANTU TEKNIK (Kejuruteraan Bangunan dan Awam):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai City & Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran2 yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana2 Maktab Teknikal yang di-iktiraf.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebeh, chawangan2 kerja kejuruteraan yang berikut:—

Kerja2 Kejuruteraan Awam (Bangunan); Ukor Kuantiti; Pembekalan Ayer daripada Parit dan Tali-ayer; Kerja2 Saloran Najis; Kejuruteraan Structural; dan Kerja2 Pembenaan Jalanraya.

B. PEMBANTU TEKNIK (Jentera dan Letrik):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai City & Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran2 yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana2 Maktab Teknikal yang di-iktiraf.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebeh, chawangan2 kerja kejuruteraan yang berikut:—

Kerja Pemasangan Letrik; Pemeliharaan Letrik; Kejuruteraan Jentera; Pemeliharaan dan Rekabentok Pendingin Hawa; "Refrigeration Maintenance"; "Gas and Compressed Air Systems".

C. PEMBANTU TEKNIK (Pemeliharaan Kawasan):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai Ordinary National Certificate dari sa-sebuah Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam Kerja2 Perhutanan Kebun Bunga atau kerja2 Pemeliharaan Kawasan dengan sa-sebuah pertubohan.

**Tangga Gaji:**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Julai, 1981.

(E1424/76 — Bil: 96/1981)

## Di-Jabatan Pertanian di-Bahagian Padi Wasan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian (Bahagian Ranchangan Padi Wasan).

1. PENOLONG JURUTERA JENTERA LADANG:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya pemegang diploma yang di-iktiraf atau yang sebanding dengan-nya dalam bidang Kejuruteraan Pertanian atau Mekanik.

ATAU

Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi berkhidmat sa-bagai Pembantu Teknik Kanan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun boleh juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang berpengalaman dalam pengeluaran padi sa-chara besar2an dan juga dalam pemeliharaan alat2 jentera ladang.

**Tugas2:**

Chalon yang berjaya akan mengawas pergerakan dan pengurusan Bengkel Pertanian, kerja2 membaiki, memelihara dan menyelenggara jentera2 pertaian umpama-nya combine harvester, trekter dan lain2 yang ada di-Projek Ranchangan Padi Kerajaan, Wasan.

**Tangga Gaji:**
C. 3 EB. 4-5 — $1735-1795-1855-1915 - 1980 / EB / 2035-2095-2155 - 2215 - 2280-2335 - 2395-2455-2515-2580.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 di-jangka hendak-lah mempunyai sa-suatu kelulusan teknikal yang sebanding dengan kelulusan kejuruteraan pertanian atau bidang yang sama di-perengkat Diploma Kebangsaan Biasa (OND). Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang mekanik alat2 jentera dan kenderaan pertanian boleh juga di-pertimbangkan.

Chalon2 yang berjaya akan menjalankan tugas2 membaiki jentera2 pertanian saperti trekter, alat2 pembajak, pam ayer, mesin2 rumput dan termasok juga truk, land rover, engine motor sangkut dan lain2.

**Tangga Gaji:**
C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495-1545-1615-1685 / EB / 1735 - 1795-1855 - 1915-1980.

3. MEKANIK JENTERA LADANG:

Pemohon2 hendak-lah sa-baik-nya mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Mekanik. Mempunyai pengalaman dalam menyelenggara dan membaiki jentera2 dan kelengkapan2 pertanian ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Menolong Pembantu Teknik Kanan untok membaiki jentera2 pertanian saperti trekter, alat2 pembajak, pam ayer, mesin2 rumput dan termasok juga truk, land rover, engine motor sangkut dan lain2.

**Tangga Gaji:**
E. 2-3 EB. 4—$470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

4. PEMANDU/PENJALAN TRAKTOR:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu. Mempunyai pengetahuan dalam jentera2 dan kelengkapan2 ladang ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Untok menjalankan kerja2 pemandu di-Ranchangan Padi Kerajaan, Brunei.

**Tangga Gaji:**
F. 3-4 EB.5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

5. MANDOR:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 10 tahun di-sebarang steshen atau ladang pertanian. Mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 buroh ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya akan mengawasi pekerja2 buroh di-Ranchangan Padi Kerajaan, Wasan.

**Tangga Gaji:**
F.2-3-4 EB.5—$390-400-410-420-430-440-450-460-470-... 500-510-520/EB/530-540-...

Sa-seorang yang sedang ... khidmat dengan Kera... hendak-lah menghantar ... mohonan-nya melalui K... Jabatan-nya dan Ketua Ja... tan itu hendak-lah menye... kan bersama2 dengan per... honan ini satu Laporan S... dan satu salinan Rekod P... khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah ... hantar dalam dua sa... borang yang boleh di-da... daripada Jabatan Perjawa... Brunei dan hendak-lah ... kembalikan bersama2 de... salinan surat2 akuan dan ... tidak lewat dari 25hb J... 1981.

(E/640/81 — Bil: 98/19...

## JAWATAN KOSONG SA-BAGAI PEGAWAI BANCHI (PENYELIA DAN PENEMUDUGA)

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa dari kaki-tangan2 Ke... jaan dan orang2 awam untok memenohi jawatan2 sement... sa-bagai Pegawai2 Banchi (Penyelia dan Penemuduga) ... Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Keraja... Brunei pada bulan Ogos/September, 1981.

### KELAYAKAN

a) **Penyelia**

Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada kaki-tangan2 Ke... jaan dan mesti-lah sekurang2-nya telah lulus sijil Ren... Pelajaran Brunei atau yang sebanding. Akan tetapi merek... yang tidak mempunyai kelulusan SRP tetapi mempun... pengalaman kerja lama di-dalam bidang2 yang berkaitan a... lah juga akan di-pertimbangkan.

Keutamaan ada-lah akan di-berikan kapada pemoho... yang mempunyai pengalaman dalam Banchi Pendudok, Ban... Pertanian, Pengkajian Demograpi dan lain2 pengkajian a... banchi yang telah di-jalankan dahulu.

b) **Penemuduga**

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Sijil Rendah P... lajaran Brunei atau yang sebanding.

Keutamaan ada-lah akan di-berikan kapada pemoho... yang mempunyai pengalaman dalam Banchi Pendudok, Ban... Pertanian, Pengkajian Demograpi dan lain2 pengkajian a... banchi yang telah di-jalankan dahulu.

### TUGAS

a) **Penyelia**

Menghadhiri latehan sa-lama lebeh kurang 4 hari d... Pejabat Banchi, Bandar Seri Begawan;

Memberi latehan kapada Penemuduga2 Perengkat Daera...

Mengawas dan mempastikan pembanchian pendudok ... lakukan dengan lengkap dan sempurna oleh Penemuduga ... dalam masa tempoh Banchi.

b) **Penemuduga**

Menghadhiri latehan sa-lama lebeh kurang 4 hari d... Pejabat Banchi daerah masing2;

Menemuduga pendudok2 di-kawasan banchi yang di-p... untokkan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Pejab... Banchi.

### TEMPOH BERTUGAS

Tempoh masa bagi PENYELIA2 banchi ia-lah:—

10hb hingga 13hb Ogos — menghadhiri latehan di-Bandar Seri Begawan.
19hb Ogos — meninjau kawasan banchi masing2.
20 hingga 25hb Ogos — menghadhiri latehan penemuduga di-perengkat daerah dan meninjau kawasan banchi bersama dengan penemuduga2 masing2.
26hb Ogos hingga 2hb September — membanchi pendudok.
3hb September — menyerahkan kerja2 banchi.

DAN

Tempoh masa bagi PENEMUDUGA2 banchi ia-lah:—

20hb hingga 25hb Ogos — menghadhiri latehan di-perengkat daerah dan meninjau kawasan banchi masing2.
26hb Ogos hingga 2hb September—membanchi pendudo...
3hb September — menyerahkan kerja2 banchi.

### PEMBAYARAN SAGU-HATI

Bayaran2 sagu-hati saperti berikut di-bayar kapada chalon2 yang berjaya:—

**Penyelia** $440 bagi tempoh keselurohan-nya.
**Penemuduga** — $272 bagi tempoh keselurohan-nya.

Jumlah ini ada-lah termasok perbelanjaan kenderaa... Alaon bermalam jika perlu dan munasabah akan dapat d... pertimbangkan.

### PERMOHONAN

Borang2 permohonan boleh di-dapati daripada Ibu Pej... bat Banchi, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usa... Kerajaan, Bandar Seri Begawan atau daripada Pejabat2 Da... rah dan hendak-lah di-kembalikan kapada pejabat2 yang te... sebut di-atas tidak lewat dari 20hb Julai, 1981.

Kaki-tangan2 Kerajaan yang berminat hendak-lah meng... mbalikan borang2 permohonan tersebut melalui ketua jabat... masing2.

### PERINGATAN

Dengan memohon jawatan2 di-atas segala permohonan unt... pekerjaan lain tidak-lah akan terganggu atau terhalang. Kak... tangan Kerajaan akan di-bebaskan dari menjalankan ker... biasa dengan gaji maseh berjalan sa-masa mereka di-kehenda... menghadhiri latehan dan menjalankan kerja2 pembanchian s... perti di-nyatakan di-atas.

Keputusan Penguasa Banchi ka-atas permohonan ba... Pegawai2 Banchi ada-lah muktamad.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI PERBEKALAN

ERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Perbekalan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 hendak-lah mempunyai HND (Business Studies) atau kelulusan yang sebanding dengan-nya serta mempunyai dua tahun pengalaman dalam kerja2 kawalan barang2 setor, memesan bekalan dan menjaga setok ubat2an dan lain2 peralatan perubatan.

Dia akan membantu Ahli Kimia Ubat Kanan dalam kerja2 sa-hari2 di-Setor Pharmacy Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

**Umor :**
26 tahun ka-atas.

**Tangga Gaji :**
C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Ogos, 1981.

(E/900/81—Bil : 102/1981)

## Di-Jabatan Talikom, Brunei

RMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

1. PEGAWAI TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Mesti-lah mempunyai sama ada : —

a) Minima tiga tahun sa-bagai Pegawai Teknik atau yang sebanding mengenai sebarang tugas2 berikut : —
   i) Peranchangan ibusawat, pemasangan atau pemeliharaan, peranchangan pemancharan Radio, pemasangan atau pemeliharaan; Pemasangan atau pemeliharaan PABX.
   ii) Peranchangan Kebal dan/atau pencharian kerosakan.
   iii) Pemeliharaan Taliperinter.

DI-TAMBAH

City and Guilds hingga ka-taraf Intermediate dalam satu mata-pelajran yang berkenaan.

ATAU

b) Minima tujoh tahun sa-bagai Pegawai Teknik atau yang sebanding sa-barang mata-pelajaran yang terchatet dalam (a) dengan pengalaman dalam keupayaan menyelia.

**Tangga Gaji :**
C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545 - 1615-1735 - 1795 - 1855 - 1915 - 1980 / EB / 2035 - 2095- 2155-2280.

2. PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab DI-TAMBAH dua tahun pengalaman mengenai tugas2 Terapik Talikom.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman lima tahun mengenai tugas2 Terapik Talikom sa-bagai Penolong Pegawai Terapik atau yang sebanding.

**Tangga Gaji :**
C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260 - 1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735 - 1795 - 1855 - 1915-1980.

3. PENOLONG PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Hendak-lah mempunyai salah satu : —

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan memperolehi kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab.

ATAU

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan tiga tahun dalam Perkhidmatan Kerajaan.

ATAU

c) Mempunyai minima lima tahun perkhidmatan dalam Perkhidmatan Kerajaan dengan sekurang2-nya dua tahun mengendali tugas2 Terapik Talikom.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Julai, 1981.

(E/843/78 — Bil : 99/1981)

## TENDER NOTICE

### ENDER FOR ELECTRICAL AND AIR-CONDITIONING STALLATION FOR PROPOSED GUARDROOM, FIRE ATION, MADRASAH AND TYPE 'G' QUARTERS FOR THE RBMR, BERAKAS CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'B' or above Electrical & Airconditioning Contractors up to 12.00 noon, 28th July 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL AND AIR-CONDITIONING FOR PROPOSED GUARDROOM FIRE STATION, MADRASAH AND TYPE 'G' QUARTERS FOR THE RBMR, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 1st July 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' or above Electrical & Air-conditioning Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 Noon on Tuesday, 21st July 1981 for the:

EXECUTION OF BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS UNDER TERM CONTRACT FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT BOLKIAH CAMP

2. Tenderers must produce a specific Banker's letter, stating that in the event of the applicant's Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond in an amount of B$75,000.00 for the duration of the Contract.

3. Tender Documents may be examined at and obtained from the Office of Contract Services Consultants, Unit 2, Block E, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Banddar Seri Begawan, Brunei during normal office hours.

4. The Tender Deposit required is B1,000.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender.

5. Tenders shall be submitted only on the Tender Form and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT, BRUNEI TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Contractors Class "A" only up to 12.00 noon Tuesday 21st July, 1981 for the

CONSTRUCTION OF THE FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 21st July, 1981 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "Tender for Construction of Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport."

4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Murray Ward dan Pakatan, Flat A4, Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $1000 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of tender documents and drawings.

6. Tenders shall be submitted only on the tender-forms provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED SPORTS COMPLEX, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

REGISTERED Class 'B' and above Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services to Proposed Sports Complex, New General Hospital at Kiulap, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 2nd July, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 21st July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED SPORTS COMPLEX, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Brunei Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 pm on 15th July, 1981 for the supply of 500 pieces of belt buckle to the Royal Customs and Excise Department, Brunei.

1. The belt, in black or blue colour, must be measured 30" to 42" in length and 1½" in width. The belt buckle, with the Customs logo embossed, must be in chrome colour and 1½" × 2" in size;
2. All prices quoted must include the freight, handling, insurance and packing service charges;
3. The date of delivery must be stated and it is preferably not later than 2 months from the closing date of this tender;
4. Tenders received after the above date will be rejected;
5. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "Supply of beit and belt buckle to the Royal Customs and Excise Department Brunei";
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## Jawatan2 dalam Perkhidmatan K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhbidmatan Kerajaan, Brunei.

1. **JAWATAN :**
   PENYELENGGARA SETOR TINGKAT KHAS :
   (di-Pejabat Letrik, Kerja Raya, Pertanian dan Pelajaran).
   **TANGGA GAJI :** C.2 EB.3 — $1260-1305-1350-1395-1445-1495-1545-1615-1685/EB/1735-1795-1855-1915-1980.
   **KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN :**
   a) Pemohon mesti-lah berumor tidak lebeh daripada 45 tahun, lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
   b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai penyelenggara Setor Kanan dalam bahagian2 yang tertentu.
   c) Kebolehan menaip dan mempunyai pengetahuan Ilmu Menyimpan Kira2 ada-lah merupakan satu kelebehan.

2. **JAWATAN :**
   PENYELENGGARA SETOR TINGKAT I :
   (di-Pejabat Kerja Raya, Penerbangan Awam, Pertanian dan Pelajaran)
   **TANGGA GAJI :** D. 4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140-1175/EB/1200-1230-1260-1290.
   **KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN :**
   a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
   b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 4 tahun dalam kerja2 Penyelenggara Setor.
   c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang2 setor, alat2 kelengkapan dan alat2 ganti yang berbagai bentok ada-lah merupakan satu kelebehan.

3. a) **JAWATAN :**
   PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II :
   (di-Pejabat Perchetakan, Pelabohan, Letrik, Pertanian, Pelajaran dan Kebajikan Belia dan Sokan).
   **TANGGA GAJI :** D. 2 EB.3-4 — $515-535-555-580-605-630-655 / E B / 720-755-790-825-860-900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
   b) **JAWATAN :**
   PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II.
   (di-Askar Melayu Diraja Brunei)
   **TANGGA GAJI :** D. 2-3 EB. 4 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860 / E B / 900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
   **KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN :**
   a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.
   b) Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi telah berkhidmat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III sekurang2-nya sa-lama tiga tahun akan juga di-pertimbangkan.

4. **JAWATAN :**
   PENYELENGGARA SETOR TINGKAT III :
   (di-Pejabat Perchetakan, Kerja Raya, Bomba, Lembaga Bandaran BSB, Talikom, Daerah Kuala Belait, AMDB, RTB, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pertanian).
   **TANGGA GAJI-:** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605 / EB / 620-630-645-660-680-700.
   **KELAYAKAN2 :**
   a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
   b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 Penyelenggara Setor boleh juga di-pertimbangkan.

**'AM :**
Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendah-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Julai, 1981.

(E/628/81 — Bil : 95/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB. 13/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 14hb Julai, 1981 bagi:—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS IN JALAN KERMA NEGARA AREA, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 13/1981

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th July, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS IN JALAN KERMA NEGARA AREA, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.14/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 21hb Julai, 1981 bagi:—

CONSTRUCTION OF LINK ROAD AT MILE 4, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.14/1981

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF LINK ROAD AT MILE 4, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.15/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas A sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 21hb Julai, 1981 bagi :—

CLEARING AND SAND-FILLING TO PROPOSED KUALA BELAIT/SUNGAI TUJOH ROAD, BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.15/1981

TENDERS will be received from Class A only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

CLEARING AND SAND-FILLING TO PROPOSED KUALA BELAIT/SUNGAI TUJOH ROAD, BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

Pre-tender site inspection shall be conducted for interested tenderers by Superintending Officer or his representative on Thursday 16th July, 1981 at 9.30 am.

## STATE STORES
## TENDER No. 39/81

TENDERS are invited for the supply to the State Stores and Supplies Department, Brunei of the following vehicle and equipment.

1. **One unit New Fork Lift Truck — 6000 lbs.**
2. **One unit Petrol Driven Power Sweeper Cum Scrubber.**

Full specifications available from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong, Brunei during working hours. Tender closes on Tuesday 21st July, 1981 up to 12.00 noon.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 68 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th July, 1981 for :—

RENOVATION TO THE EXISTING CO-OPERATIVE DEPARTMENT BUILDING AT JALAN PEHIN DATO ISA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 70 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

PROPOSED EXTENSION OF BRANCH SEWERS AND CONNECTION TO GOVERNMENT BUILDINGS AT BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 71 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF A TIMBER JETTY AT FISHERIES FIELD STATION, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 72 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF 1 No. '8-0"x6'-0" R.C. BOX CULVERT AT JALAN TUTONG, MILE 18½, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 73 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st July, 1981 for :—

REPAIRING AND REPAINTING THE EXTERNAL AND INTERNAL OF STATE STORE AND SUPPLIES AT JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### TENDER No. 36/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 4th August, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR RELIGIOUS SCHOOL KAMPONG SENGKURONG, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :— "Tender for the Electrical Installation for Religious School at Kampong Sengkurong, Brunei."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 37/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 4th August, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR STANDARD MOSQUE OF KAMPONG KUPANG, TUTONG.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:— "Electrical Installation for Standard Moseque of Rural Area at Kampong Kupang, Tutong.

The tender deposit of 100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 38/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A', 'B' and 'C' air-conditioning contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 21st July, 1981 for the :—

REPLACEMENT OF AIR-CONDITIONING UNIT TO CHEST-CLINIC AT SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and and shall be marked: — "Replacement of Air-Conditioning Unit to Chest--Clinic at Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait."
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 39/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A', 'B' and 'C' air-conditioning contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 21st July, 1981 for the :—

REPLACEMENT OF AIR-CONDITIONING UNIT TO LIBRARY ROOM AT PERDANA WAZIR ENGLISH SCHOOL, KUALA BELAIT.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and and shall be marked: — "Replacement of Air-Conditioning Unit to Library Room at Perdana Wazir English School, Kual Belait."
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 40/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A', 'B' and 'C' air-conditioning contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 28th July, 1981 for the :—

INSTALLATION OF STANDBY AIRCONDITIONING UNIT TO NEW SWITCH-GEAR ROOM, POWER STATION, SERIA.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked : — Installation of Standby Air-Conditioning Unit to New Switch-Gear Room, Power Station, Seria.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 41/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractor, Class "A" only up to 12.00 noon on Tuesday, 22nd July, for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PASSENGER LIFT FOR OPERATIONS BUILDING, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelo[pe ad]dressed to the Tenders B[oard.] The envelope to be c[learly] marked:—"Electrical In[stalla]tion for Passenger Lift [for] Operations Building, Br[unei] International Airport."

The tender deposit of $50[0.00] shall be in the form [of a] cheque refundable only to [all] unsuccessful tenderers [upon] the receipt of a bona [fide] tender.

### TENDER No. 42/1981

1. TENDERS will be rec[eiv]ed by the Chairman of [the] Tenders Board at the office [of] the State Financial Of[ficer,] Government Offices, B[andar] Seri Begawan up to 2.0[0 ...] on 14th July, 1981 for [the :—]

SUPPLY AND DELIVERY OF 60,000 PIECES 12" x 24" PRECAST CONCRETE SLAB TO WORK SITE AT LAMUNIN.

2. Tenders received aft[er the] stated time will be reje[cted.]
3. Tenders shall be subm[itted] in plain sealed envelope [with] no indication of the tend[erer's] name or address and sh[all be] marked clearly:—"Supply [and] Delivery of 60,000 Piece[s 12"] x 24" Precast Concrete S[lab to] Work Site at Lamunin."
4. Tenders documents [may] be obtained from the offi[ce of] the Chief Electrical En[gine]er, Bandar Seri Begaw[an,] Brunei.
5. Tender deposit of $5[...] shall be in the form [of a] cheque refundable only to [all] unsuccessful tenderers [upon] the receipt of a bona [fide] tender.
6. The Government [does] not bind itself to accept [the] lowest or any tender.

### TENDER No. 43/1981
### AIR-CONDITIONING A[ND] REFRIGERATION INSTALLATION

1. TENDERS will be rec[eiv]ed by the Chairman of [the] Tenders Board at the offic[e of] the State Financial Of[ficer,] Government Offices, Ba[ndar Seri] Begawan, from Regist[ered] Grade A and B Air-Condit[ion]ing Contractor up to 1[2.00] noon Tuesday 28th July, [1981] for the :—

"BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORAR[Y] CARGO BUILDING."

2. Tenders received after [the] stated time will be rejecte[d.]
3. Tenders shall be subm[itted] in plain sealed envelope [with] no indication of the tende[rer's] name or address and shal[l be] marked "Air Conditioning [and] Refrigeration Installat[ion] Brunei International Air[port] Temporary Cargo Buildin[g."]
4. The Form of Tender [in]cluding specification and d[raw]ing can be obtained from [the] office of the Electrical De[part]ment, Bandar Seri Begaw[an,] Brunei.
5. The Tender deposit [of] $300.00 shall be in the f[orm] of a cheque refundable [only] to all unsuccessful tende[rers] upon the receipt of a b[ona] fide tender.
6. The Government does [not] bind itself to accept [the] lowest or any tender.

## AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

REGISTERED Class 'B' and above Air-Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services to Proposed Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 9th July, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 28th July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to Proposed Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 9th July, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 28th July 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD me[m]pelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan o[leh] Sharikat M.S.B. bagi :—

1. **BILANGAN TAWARAN : LEN/100/81**
   **KATEGORI 7**
   Menukar keselurohan lampu di-Loji BLNG.
2. **BILANGAN TAWARAN : EPS/149/81**
   **KATEGORI 5 & 32**
   Membersehkan kawasan serta menimbok dengan p[a]sir tempat laluan paip di-Rasau, K.B./Kawa[san] Baram.
3. **BILANGAN TAWARAN : PSV/154/81**
   **KATEGORI 18**
   Mengadakan perkhidmatan menguruskan makan[an ...] Laut Bangunan Champion-7 di-bawah bidang [...] Jabatan Penghasilan.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawa[ran] di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Juru Odit

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Juru Odit di-Jabatan Odit, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelulusan ikhtisas dalam apangan perakaunan, atau un sa-suatu ijazah yang beraitan dengan-nya, serta memunyai pengalaman dalam erja2 odit atau perakaunan a-chara praktikal.

**angga Gaji :**

B. 2—$1975-2050-2125-2205-285-2365 - 2445 - 2525 - 2610-690-2775 - 2870 - 2965 - 3070-175-3280. Gaji permulaan ergantong kapada kelayakan2 an pengalaman.

**harat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-taw rkan kontrek tiga tahun de an kadar baksis 25% daripa a gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Ogos, 1981.

(E/404/73 — Bil : 101/1981)

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited to arry out Disinfestation and e-Ratting Offshore Squadron Flotilla, Royal Brunei Malay egiment for a period of one ear. The Squadron comises the folowing craft:—

a. **Operational**
   - 3 x MGB
   - 3 x FPB (Perwira Class)
   - 2 x LC
   - 1 x Work Boat (Burong Bayan)

b. **Non Operational**
   - 1 x FPB (Pahlawan)
   - 3 x CPB
   - 3 x Riverine Craft

All boats will required sinfestation in a six weekly cle. The Operational boat quired De-Ratting on a ree monthly cycle. Non-perational boats require Detting on a monthly cycle.

3. It is acceptable to use the more Toxic agents on the Non-Operational craft. Enquiries can be made to SOO, Flotilla Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Muara Base.

4. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei at 4.00 p,m. Saturday 11 July 1981.

5. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should endorsed "DISINFESTATION AND DERATTING OFFSHORE SQUADRON FLOTILLA ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED OFFICERS' MESS, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI

GISTERED Class 'B' and ove Air Conditioning Conctors are invited to submit der for the complete supply installation of Air Conditining System and Hosereel mps To Proposed Officers' ess, Penanjong Cantonment, unei.

Tender document can be tained from the office of essrs Leeng Consulting Eneers No. 4 & 5, 1st Floor, ock-E Bolkiah Bldg., Seri mplex, Miles 1¼, Jalan tong, Bandar Seri Began, Brunei from 2nd July, 81 on wards during normal ice hours. The tender desit of $500.00 shall be in e forms of a Banker's Draft favour of Brunei Governent refundable only to all nsuccessful tenderers upon ceipt of a bona fide tender d the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 28th July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — TENDER FOR AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED OFFICERS' MESS, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING 748 COMPLEX AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

. TENDERS will be received y the Chairman, Tenders ard at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'C' or above Airconditioning Contractor up to 2.00 noon, 21st July 1981.

. Tenders received after the tipulated time will be reected.

. Tenders must be submited in sealed envelopes bearng no indication of the tenderers and shall be marked learly "TENDER FOR IRCONDITIONING INSTALLATION FOR EXTENSION 748 COMPLEX AT BRUNEI INTERNATIONAL IRPORT."

. Tender documents may be btained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12 Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 1st July 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is Class 'C' or above Air-Conditioning Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SHARIKAT2 tempatan adalah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok menchetak dan membuat alat2 Sekolah Ugama bagi keperluan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei saperti berikut : —

i) Daftar Kedatangan Sekolah — 3,000 buah.
ii) Daftar Kedatangan Satu Mata Pelajaran — 3,000 buah.
iii) Buku Perharian Guru Besar — 3,000 buah.
iv) Buku Persediaan Mengajar—3,000 buah
v) Penyata Bulanan Sekolah2 Ugama — 500 reams
vi)3 Penyata Bulanan Sekolah2 Melayu/ Inggeris — 500 reams
vii) Kad Jawi — 500 sets.

2. Keterangan2 lanjut mengenai alat2 yang di-chetak tersebut di-atas, mithal-nya bentok, ukoran, jenis kertas yang di-gunakan dan lain2 yang berkenaan dengan-nya boleh-lah di-dapati dari Kerani Tingkatan I (Bahagian Tender) Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Bilek No. 205, Tingkat I pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

3. Semua tawaran hendaklah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang tertutop, hanya di-tulis dengan perkataan "Tawaran Alat2 Perkakas Sekolah2 Ugama Jabatan Hal Ehwal Ugama dan semua tawaran itu di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 14 Julai 1981 hari Selasa jam 12.00 tengah hari.

4. Wang deposit mengenai perkara ini hendak-lah dibayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (Bahagian Kewangan) Tingkat I, dengan kadar sa-banyak $200.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sahingga jam 3.00 petang 13hb Julai, 1981 hari Isnin.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING 748 COMPLEX AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Contractor up to 12.00 noon, 21st July 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING 748 COMPLEX AT BRUNEI AIRPORT.

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ m.s. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 1st July 1981 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderer who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DEPARTMENT OF 'ADAT ISTIADAT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on 20th July, 1981 for the supply of the followings : —

i) Approx. 7672 sq. ft. of wall to wall carpet for Lapau Wings. 100% Virgin wool and moth-proofed. Pile weight not less than 2.17 Kg/M2 — Coloured RED.
ii) Approx. 729 sq. ft. of carpet for Royal Dais. 100% Virgin wool and moth-proofed. Pile weight not less than 2.17 Kg/M2 — Colour RED.
iii) Approx. 208 sq. ft. or 4ft. x 52 ft. of Red Carpet for Royal Dais. 100% Virgin wool and moth-proofed. Pile weight not less than 2.17 Kg/M2.

Tenders received after the above date will be rejected.

Supplier(s) should specify the name of manufacturer of trade and country of origin. Prices quoted delivery at Lapau Building, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The successful supplier(s) responsible for laying the carpet on the floor and join them together. Supplier(s) responsible in providing their own specialist carpet layers and other workers, transport, etc. at no extra cost.

The supplier(s) responsible for the maintenance period of six months of any defects of loose joins or edges which may be occurred during that period.

Tenders must be placed in sealed envelopes and marked "TENDER FOR THE SUPPLY OF CARPET FOR LAPAU WINGS AND ROYAL DAIS" and there must be no indication on the cover of name of the tenderer. The cover must be addressed to:

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Government Office,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

The Government reserves the right to reject the lowest of any tender.

Yang Dipertua
'Adat Istiadat Negara,
Brunei.

## Sa-bagai Poman Mekinik

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Fomen Mekinik (Kenderaan) di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 32 hingga 45 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman bekerja sa-bagai mekinik kenderaan bermotor.

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Julai, 1981.

(E/394/79 — Bil : 97/1981)

## MENIMBOK JALAN KECHIL RAMPAYOH MUKIM LABI, BELAIT

1. TAWARAN2 ada-lah dipelawa bagi menimbok Jalan Kechil Rampayoh menuju kakawasan Kolam Ikan Kampong Rampayoh bagi Pejabat Daerah Belait.

2. Tawaran2 hendak-lah dimasokkan ka-dalam sampul surat yang bertutop dengan tidak menaroh tanda yang boleh mengenal nama penawar.

3. Tawaran2 mesti-lah dialamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat jam 12.00 tengah hari 18hb Julai, 1981. Di-atas sampul surat tersebut hendak-lah di-nyatakan dengan terang "TAWARAN MENIMBOK JALAN KECHIL RAMPAYOH, LABI, DAERAH BELAIT."

4. Keterangan lanjut mengenai dengan perkara ini boleh di-dapati daripada Pejabat Daerah Belait pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

5. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang telah di-tetapkan atau yang di-alamatkan dengan tidak betul, tidak akan di-layan.

6. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED SERGEANTS' MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT

REGISTERED Class A and B Electrical Contractor Registered with the Electrical Department, Brunei are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment to Proposed Sergeants Mess 1, Penanjong Cantonment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th July, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 11th August, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED SERGEANTS' MESS 1, PENANJONG CANTONMENT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### MAIN BUILDING CONTRACT FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Contractors Class "A" only up to 12.00 noon Tuesday 28th July, 1981 for the : —

MAIN BUILDING CONTRACT FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 28th July, 1981 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "TENDER FOR MAIN BUILDING CONTRACT FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT."

4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Murray Ward dan Pakatan, Flat A4, Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $1000.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide Tender and the return of tender documents and drawings.

6. Tenders shall be submitted only on the Tender-Forms provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Pembacha2 Al-Kor'an di-ingatkan:

# SENTIASA MEMBETULKAN NIAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Pelajaran Ugama, Dayang Hajjah Maznah binte Haji Mohammad pada minggu lalu, mengingatkan pembacha2 Al-Kor'an supaya sentiasa membetulkan niat. Ia-itu membacha dengan tujuan beribadat, walau pun dalam bentok pertandingan.

Beruchap sa-masa merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan antara Sekolah2 Menengah Bawah bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, beliau menegaskan: "Tujuan kita membacha Al-Kor'an ia-lah untok ibadat. Apa pun chara-nya atau dalam suasana yang bagaimana, tujuan ini mesti-lah kekal di-pelihara."

Sama ada membacha bersendirian, beramai-ramai atau pun bertanding, namun niat dan tujuan, kata-nya, tidak boleh berubah dari mendapatkan keredhaan Allah dan menchari keberkatan Al-Kor'an sa-bagai penawar dan rahmat.

Dalam perkara ibadat, pembacha2 Al-Kor'an juga di-nasehatkan supaya jangan menchampor-adokkan dengan ria' dan untok bermegah-megah.

Menegaskan kedudokan perkara ini, beliau memetik potongan sa-buah hadith Rasulullah yang di-riwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah, sabda-nya: "Sa-sungguhnya mula2 orang yang akan di-hukum pada hari kiamat ia-lah; Sa-orang yang mati kerana peperangan menegakkan ugama Allah. Di-bawakan ka-pada-nya amalan-nya itu, dan Allah berfirman: Apakah yang telah engkau lakukan di-dalam peperangan? Jawab orang itu: Saya berperang ada-lah kerana Engkau jua, sahingga saya terbunoh (shahid). Berfirman Allah: Engkau bohong! tetapi engkau berperang ia-lah supaya di-kata orang engkau berani. Dan kedua.... sa-orang pelajar dan guru (sa-orang pembacha Kor'an dan guru Kor'an), pada hari kiamat di-bawakan segala amalan-nya, lalu Allah berfirman: Apa-kah yang telah engkau lakukan pada semua ini? Menjawab orang itu: Saya telah belajar ilmu dan mengajarkan-nya, dan membacha Kor'an kerana Engkau. Allah berfirman: Engkau bohong! Akan tetapi engkau belajar dengan maksud supaya di-kata orang engkau pandai dan demikian juga engkau membacha Kor'an supaya di-kata orang engkau qari. Kemudian orang itu di-perentahkan tutop muka-nya dan di-champak ka-dalam api neraka.

Dari hadith ini jelas kata-nya, apabila membacha Kor'an bukan kerana mendapatkan keredhaan Allah, ia boleh mendatangkan akibat yang tidak baik dan merugikan, "bukan sahaja amalan itu tidak mendatangkan sabarang faedah kapada tuan-nya bahkan akan menjerat-nya di-akhirat kelak."

Menyentoh dengan peraduan hari itu, beliau perchaya ia-nya sangat besar erti-nya, bukan sahaja kapada penuntut2 yang beradu malah masharakat majmuk juga sama2 mendapat ganjaran pahala.

Sementara bidang sharahan pula, menurut Dyg. Hajjah Maznah boleh memberikan asohan dan bimbingan kapada penuntut2 dalam membentok kehidupan masa depan mereka yang lebeh bererti.



GAMBAR dari kiri Inspektor Dk Mariam, Inspektor Abu T... dan Inspektor Dayang Mardiana.

## Ikuti kursus Pulis di-UK.

TIGA orang pegawai Pasokan Pulis Diraja Brunei kini sedang berada di-United Kingdom untok mengikuti Kursus Am Pulis (Police General Course) sa-lama empat bulan sa-tengah di-Metropolitan Police College Hendon.

Pegawai2 tersebut ia-lah Inspektor Daya... Mariam binte Peng... Othman, Inspektor D... Mardiana binte ... Zainal Abidin dan Ins... tor Abu. Talib bin A... Majid.

Mereka telah ber... meninggalkan Brunei ... da 1hb. Julai yang la...

# Pegawai AMDB berkursus

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah di-hantar bagi mengikuti kursus, minggu lalu, dalam tujuan pasokan tersebut memperlengkapkan dan menambahkan pengetahuan anggota2-nya di-dalam berbagai bidang ketenteraan.

Turut berlepas dengan anggota2 yang lain pada 27hb. Jun lalu ia-lah 6216 Perajurit Ak. Abd. Rahman bin Pengiran Tahir dari Kompeni RHQ, 6251 Perajurit Matassim bin Haji Serudin dari Battalion Kedua dan 5759 L/Kpl Ak. Tajuddin bin Pengiran Burut dari Bengkel Pasokan, untok mengikuti kursus sa-lama kira2 dua bulan di-Weapon & Optical Base, Kem 1 Mount Vernon, Singapura.

Perajurit Ak. Abd Rahman dan Perajurit Matassim kini sedang mengikuti kursus Armourer NCO Kelas 11, sementara L/Kpl Ak. Tajuddin mengikuti kursus Gunfitter NCO Kelas 11 di-Kem tersebut.

Sementara itu, dua orang lagi telah berlepas ka-Hongkong pada 3hb. Julai lalu untok menjalani kursus berenang sa-lama lebeh kurang dua minggu, bertempat di-Hongkong Physical and Adventurous Training Centre, Sekkong Kem.

Terpileh untok menjalani kursus tersebut ia-lah 4681 Kpl Abd. Rahman bin Ahmad dari Kompeni RHQ dan 4936 L/Kpl Abd Ahmit bin Md Yusop dari Angkatan Laut.

Sa-orang pegawai dari pasokan tersebut, 34 Major Mohd. Jaafar bin Hj. Abd. Aziz dari Skuadron Perahu Khas, juga telah berlepas ka-United Kingdom pada 4hb. Julai lalu, untok menjalani tiga kursus berasingan.



Major Mohd Jaafar bin Haji Abdul Aziz.



L/Kpl Ak Tajuddin.

Mejor Mohd. Jaafar kini sedang mengikuti kursus pertama-nya sejak dua hari yang lalu, dalam Latehan Bahasa Inggeris di-Bell School of Language, Cambridge. Kursus kedua, Pre-Staff College akan bermula pada 1hb. Nobember, 1981 di-Sekolah Bahasa Tentera Beaconsfield, manakala kursus ketiga, Kursus No 16 Army Staff akan bermula pada 3hb. January, 1982 dan di-jangka akan berakhir pada 5hb. Nobember, 1982 di-Staff College, Camberley.

Juga menghadhiri kursus lima hari di-Singapura ia-lah lapan orang kadet Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang di-ketuai oleh TA/21 Lt. Hasnan bin Haji Shaari.

Mengikuti kursus Outward Bound yang akan berakhir pada 10hb. Julai ini di-Sekolah Outward Bound, Pulau Ubin, ia-lah Kadet Zaidin bin Kurus, Musa bin Yassin, Mohamad bin Sabtu, Haji Shahrani bin BMD Hj. Adnan, Shahrurrizam bin Tuah, Alisa bin Untong, Sufri bin A. Kula, dan Mazlan bin PK Haji Md. Yusof.

Sementara itu, dua orang lagi anggota pasokan tersebut akan berlepas ka-Singapura pada 10hb. Julai ini, untok mengikuti Latehan Lanjutan Penerbangan sa-lama enam hari di-Sekolah Latehan Kommando, Singapura.

Mereka yang akan mengikuti kursus tersebut ia-lah 92 Lt. Sharbini bin Batang dan 67 Kapt. Suhaili bin Haji Abang, kedua2-nya dari Pusat Latehan.

## PEMBETULAN

UCHAPAN Awg Haji Salleh bin Haji Hidup yang di-siarkan di-muka surat 2 keluaran minggu lepas, kolum tiga sa-lepas tajok 'Penghormatan', para kedua hendaklah di-bacha saperti berikut:

"Walau bagaimana pun, khusus pada perengkat professional atau perengkat terlateh, masaalah gaji, kenaikan pangkat dan lain2-nya tidaklah sa-patut-nya di-pandang sa-chara negative, kerana perkara2 itu ada-lah merupakan incentive atau pendorong dalam perkhidmatan. Tetapi biar-lah perkara ini di-sedari sa-chara 'moderation' dan rational. Kechekapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dalam hubongan ini tidak lagi dapat di-ragukan kerana kerajaan mempunyai sistem2 yang terator dan machinery yang chekap untok memastikan sa-seorang pekerja itu akan menerima layanan yang adil dan saksama.

# *Belait pileh wakil silat dan kuntau*

KUALA BELAIT. — Peraduan silat dan kuntau sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-35 tahun ini bagi Daerah Belait telah berlangsong di-sini pada petang hari Ahad, 28hb Jun lepas.

Peraduan pada petang itu telah di-mulakan dengan uchapan alu-aluan daripada pengerusi majlis, Penghulu Mukim Belait Pengiran Haji Mohammad Said bin Pengiran Ahmad dan ini kemudian-nya telah di-ikuti dengan persembahan kuntau dari Awang Ramlee bin Haji Metali, johan kuntau daerah tersebut bagi tahun 1980 dan juga pemenang tempat kedua peraduan kuntau sa-negeri pada tahun yang sama.

Munchol sa-bagai juara tahun ini di-dalam bahagian silat ia-lah Awang Mohamad Yussof bin Abdullah dan tempat ... dua Awang Masri ... Wahab.

Juara di-dalam bah... kuntau pula telah di-... nangi oleh Awang M... Wahab, tempat ke... Awang Embran Dura... dan tempat ketiga ... dudoki oleh Awang Za... di Admin.

Turut hadhir menya... kan peraduan tersebut ... sebut termasok-lah Pe... long Pegawai Daerah ... lait, Awang Kassim ... Haji Johan serta Peg... Pentadbir Pengiran S... huddin bin Pengiran ... Mohammad Yussof y... telah juga menyampa... hadiah2 kapada para ... menang.

Juara di-dalam ke... peraduan silat dan ku... yang di-taja oleh Sha... Pemborong Melayu ... satu Ibrahim bin Mo... dan Anak2 itu akan ... wakili Daerah Belait ... dalam peraduan silat ... kuntau sa-negeri kelak.



BERGAMBAR ramai pemenang2 peraduan silat dan kuntau Daerah Belait sempena Ha... Keputeraan DYMM ke-35 tahun.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.